



Hujung Minggu

فیتا بروندی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.03

SUBUH 5.13 SYURUK 6.35 DUHA 6.58 ZUHUR 12.32 ASAR 3.54 MAGHRIB 6.27 ISYAK 7.41

Daerah Belait ditambah 3 minit

Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 9

20 JANUARI 2024 / 1445 8 رجب

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengkufuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin. Wahasbunallah Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyil 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Alameen.

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah bersamaan 17 Ogos 2021 Masih di Istana Nurul Iman.

Mempelajari, memahami ilmu manasik haji ditekankan

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Januari. - Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah petang tadi mengadakan Majlis Penyampaian Sijil dan Resolusi Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji dan Umrah Tahun 1445H / 2024M bertempat di Dewan Multaqa, KHEU.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim, yang juga menyampaikan ucapan dan sijil kepada para peserta Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji dan Umrah Tahun 1445H / 2024M.

Terdahulu Setiausaha Tetap dalam ucapannya menjelaskan bagi yang mampu dan berhasrat untuk mengerjakan Ibadat Haji hendaklah terlebih dahulu mengetahui dan mempelajari serta memahami ilmu manasik haji agar dapat menunaikan ibadat haji dan umrah itu dengan sempurna dan teratur.

>> Muka 5

MANISNYA IMAN ايمان

"RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Maksudnya : "Dari Abdul Rahman bin Abi Bakrah dari ayahnya, seorang lelaki telah berbakti : Wahai Rasulullah siapakah sebaik-baik manusia? Rasulullah bersabda : Sebaik-baik manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya dan umurnya itu dipergunakan untuk berbuat kebaikan. Berkata lelaki itu lagi : Siapakah sejahat-jahat manusia? Rasulullah bersabda : Sejahat-jahat manusia ialah orang yang dipanjangkan umurnya tetapi digunakannya untuk berbuat kejahanatan".

TERUS KEKALKAN MUAFAKAT, KERJASAMA DALAM KALANGAN MASYARAKAT



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Titah Perutusan Khas sempena Istiadat Perkahwinan Diraja Tahun Baharu Masihi 2024.

- Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 2)

BICTA 2024 ketengahkan 'Negara Pintar Melalui Transformasi Digital'

Oleh : Nur Izzah Razali

BERAKAS, Khamis, 18 Januari. - Anugerah ICT Brunei (Brunei ICT Awards - BICTA) pada tahun ini sekali lagi membawakan tema 'Negara Pintar Melalui Transformasi Digital' yang menekankan kepentingan inovasi dan perkembangan teknologi baharu untuk mendukung usaha ke arah transformasi digital bagi memacu pembangunan ekonomi dan masyarakat di negara ini.

Pelancaran BICTA 2024 dirasmikan hari ini pada majlis yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas oleh Menteri

Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha yang juga hadir selaku tetamu kehormat majlis.

Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof selaku Pengurus Bersama I, Jawatankuasa Pandu BICTA berucap pada majlis tersebut berkata bahawa tema berkenaan adalah sehaluan dengan aspirasi kita dalam mencapai hasrat yang digariskan dalam Pelan Induk Ekonomi Digital 2025.

>> Muka 3

Mesyuarat Task Force kemas kini garis pandu proses penglibatan AIPA

Siaran Akhbar : Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

JAKARTA, REPUBLIK INDONESIA, Khamis, 18 Januari. - Majlis Mesyuarat Negara (MMN) menghadiri Mesyuarat Task Force on the Enhancement of Guidelines of AIPA's Engagement with Externals and Digital Law Library Establishment yang telah diadakan pada 17 Januari hingga 18 Januari 2024 yang berlangsung di Jakarta, Republik

Indonesia.

Mesyuarat Task Force tersebut adalah kesinambungan dari hasil utama Mesyuarat Komiti Eksekutif di Perhimpunan Agung AIPA Ke-44 di Jakarta, Indonesia pada bulan Ogos 2023.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
 Pelita Brunei pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



PELITA Brunei hari ini menerbitkan Keluaran Khas bersempena Istiadat Perkahwinan Diraja



LEBIH 8 ribu disumbangkan ke Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin

Muka 7



MENYELARAS hukum-hakam berkaitan haji, umrah dan ziarah

Muka 9



WASPADA cuaca tidak menentu

Muka 23

Teruskekalkan muafakat, kerjasama dalam kalangan masyarakat

Oleh : Srinarawie Bidzah

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Januari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menyatakan betapa uniknya adat istiadat yang kita warisi sejak sekian

lama masih sahaja tetap terpelihara sekalipun berhadapan dengan gelombang perubahan zaman.

Lebih membanggakan lagi titah baginda, ialah kemuafakatan dan kerjasama yang terjalin kukuh dalam kalangan masyarakat pelbagai peringkat, dalam menjayakan satu-satu matlamat berkebajikan.

"Beta berharap, keadaan ini akan terus kekal bagi memudahkan kita menjana kemajuan dan mempertahankan kedaulatan bangsa, ugama, negara dan raja.

"Beta juga yakin, rakyat dan penduduk sama-sama

bergembira menyaksikan satu peristiwa yang penuh sejarah, Istiadat Perkahwinan Diraja yang baru sahaja berlangsung itu," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan Khas sempena Istiadat Perkahwinan Diraja Tahun Baharu Masihi 2024.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah ia tentu saja akan menjadi ristaan dan kenangan manis kepada semua, lebih-lebih lagi bagi generasi-

generasi penerus yang akan memastikan adat dan budaya adalah kekal relevan di masa-masa akan datang.

Baginda juga bertitah menyampaikan penghargaan kepada seluruh ahli jawatankuasa di kedua-dua peringkat, tertinggi dan kerja, atas segala khidmat usaha untuk menjayakan istiadat berkenaan.

"Beta berdoa semoga kita semua serta Negara Brunei Darussalam akan sentiasa kekal aman dan makmur, dikurniakan

oleh Allah Subhanahu Wata'ala, rahmat dan perlindungan-Nya yang berkekalan. Amin," titah baginda lagi.

Terdahulu, Kebawah DYMM bertitah mengucapkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin-Nya jua, dapatlah kita bersama-sama meraikan Istiadat Perkahwinan Diraja bagi paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam yang baru sahaja berlalu.

Baginda dengan tulus ikhlas, merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan tenaga yang dihulurkan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk, warga Perkhidmatan Awam, Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei serta mereka yang berkhidmat di sektor swasta, termasuk mereka yang bertugas di luar negara atas sumbangan dan sokongan mereka bagi menjayakan Istiadat Perkahwinan Diraja paduka anakanda baginda.

Kebawah DYMM juga tidak lupa merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para tetamu khas baginda yang sudi hadir ke istiadat berkenaan dan juga kepada semua pihak yang telah menyembahkan perutusan ucap selamat kepada baginda dan keluarga, khasnya bagi kedua-dua Mempelai Pengantin Diraja.

"Sesungguhnya, beta dan

keluarga amat terharu dengan sambutan yang ditunjukkan oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk di negara ini lebih-lebih lagi para penuntut dan tenaga pengajar institusi pendidikan yang terlibat sama, terutamanya pada Istiadat Perarakan Pengantin Diraja mengelilingi Bandar Seri Begawan," ujar titah baginda.

"BETA berharap, keadaan ini akan terus kekal bagi memudahkan kita menjana kemajuan dan mempertahankan kedaulatan bangsa, ugama, negara dan raja.

"Beta juga yakin, rakyat dan penduduk sama-sama bergembira menyaksikan satu peristiwa yang penuh sejarah, Istiadat Perkahwinan Diraja yang baru sahaja berlangsung itu," titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan Khas sempena Istiadat Perkahwinan Diraja Tahun Baharu Masihi 2024.



WAKTU SEMBAHYANG

Januari MASIHI	HARI	Rejab HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
20	SABTU	8	5.03	5.13	6.35	6.58	12.32	3.54	6.27	7.41
21	AHAD	9	5.03	5.13	6.35	6.59	12.32	3.54	6.28	7.41
22	ISNIN	10	5.03	5.13	6.35	6.59	12.33	3.54	6.28	7.41
23	SELASA	11	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.28	7.41
24	RABU	12	5.04	5.14	6.35	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
25	KHAMIS	13	5.04	5.14	6.36	6.59	12.33	3.55	6.29	7.42
26	JUMAAT	14	5.05	5.15	6.36	6.59	12.34	3.55	6.29	7.42

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI



SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan 30 °C 25 °C	31 °C 25 °C	32 °C 25 °C
Pekan Bangar 30 °C 25 °C	31 °C 24 °C	32 °C 25 °C
Pekan Tutong 29 °C 25 °C	31 °C 25 °C	31 °C 25 °C
Kuala Belait 29 °C 25 °C	30 °C 24 °C	31 °C 25 °C

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kajiciaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.met.gov.bn

SIDANG PENGARANG

20 JANUARI 2024

Jauhi jenayah fitna

FITNAH atau menyebar berita palsu kini boleh merentasi dunia tanpa sempadan hanya dengan jari jemari yang bertanggungjawab membuat hantaran di media sosial. Perbuatan tersebut boleh menghancurkan keluarga, komuniti dan organisasi sekiranya fitnah itu diterima tanpa usul periksa.

Pengertian fitnah yang paling nampak dan jelas ialah perpecahan yang timbul akibat saling bermusuhan sesama sendiri atau dengan orang lain yang kemudian membawa kepada pembunuhan hasil daripada penipuan, kejahilan serta kesombongan.

Pada zaman moden yang serba canggih ini, jenayah fitnah semakin mudah disebarluaskan. Ia boleh dilakukan melalui teknologi maklumat seperti internet yang mampu menyebarkan apa jua maklumat dengan sekilas mata tanpa dapat dibendung. Kemudahan telah disalahgunakan untuk menjatuhkan seseorang mahupun sesebuah organisasi. Perkara ini boleh menggugat keharmonian dan keamanan keluarga, persahabatan dan juga negara.

Lebih malang lagi, fitnah kini tidak hanya berlebar dalam sebuah rumah, kampung bahkan tular dalam dan luar negara. Semua peringkat individu boleh membaca setiap hantaran dengan pantas. Bayangkan banyak 'saham' dosa yang kita terima kiranya pembohongan itu dibaca. Ini juga boleh dikategorikan sebagai umpan zaman moden.

Setiap manusia diciptakan dengan akal fikiran yang dapat menilai perkara yang baik dan juga yang buruk, justeru dalam hal ini, kecanggihan teknologi maklumat tidak dapat disalahkan sepenuhnya tetapi diri manusia yang harus dipertanggungjawabkan.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala lagi dalam Surah Al-Qalam, ayat 10 hingga 11 yang mafhumnya : "Dan janganlah engku menurut kemahuan setiap orang yang banyak bersumpah lagi suka menghina. Yang suka mencaci lagi suka menyebarkan fitnah".

Setiap kata-kata yang disebut dengan lidah akan dipersoalkan di akhirat kelak. Janganlah melibatkan diri dengan perkara yang boleh mengecam, memfitnah dan menyebarkannya kerana akan membawa padah pada diri sendiri mahupun orang lain.

Kesimpulannya, sekiranya datang berita yang baik dari orang-orang yang berkata benar maka terimalah sebagai peringatan yang baik tetapi jika datang berita yang tidak baik dari orang yang jahat akhlaknya, hendaklah kita berhati-hati dengan percakapannya malah sekiranya berunsurkan fitnah, maka halanglah ia dari terus menyebarkan berita tersebut kerana sesungguhnya menjauhi jenayah fitnah itu menjadi tanggungjawab sesama masyarakat.

Oleh itu, berhati-hatilah apabila berkata-kata atau menyebarkan kata sama ada melalui lisan atau penulisan supaya tiada tercususnya api fitnah yang bermula kecil dan akhirnya membesar sehingga membakar diri sendiri. - Ketua Penyuntingan (Ad)

BICTA 2024 KETENGAHKAN ‘NEGARA PINTAR MELALUI TRANSFORMASI DIGITAL’

PENGHARGAAN KHAS BICTA

Penyertaan Individu Paling Aktif

Pg Mohd Khairi Pg Hj Metussin
Mindtrex Academy



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat menyampaikan Penghargaan Khas kepada para penerima (kiri dan kanan).

PENGHARGAAN KHAS BICTA

Penyertaan Individu Paling Aktif

Sarinah Binti Ziziumiza
Rumine Corporation



■ Berita dan Foto : Nur Izzah Razali

>> Muka 1

“Pada tahun ini, BICTA merupakan tahun Anugerah Penaung Diraja atau Royal Patron Award yang mana diadakan setiap dua tahun sekali. Trofi Penaung Diraja akan dianugerahkan kepada pemenang keseluruhan terbaik daripada kesemua kategori pertandingan.

“BICTA akan mempertandingkan sebanyak 10 kategori yang telah disusun untuk mencerminkan pelbagai aspek ICT bagi penyertaan daripada individu, pelajar-pelajar dari peringkat rendah, menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi, syarikat-syarikat perniagaan, agensi-agensi kerajaan dan organisasi-organisasi yang bermamat.

“Selain itu, BICTA 2024 juga turut mengetengahkan lima Anugerah Smart Nation khusus bagi penyertaan yang telah memenuhi ciri-ciri aspirasi Negara Pintar Melalui Transformasi Digital,” katanya semasa menyampaikan ucapan alu-aluan pada majlis pelancaran tersebut.

Mengambil kira milestones BICTA yang lebih bermakna pada tahun ini, jelasnya adalah diharapkan lebih banyak penyertaan dan kreativiti daripada para peserta dapat dihasilkan yang dinilai lebih berinovasi, berdaya saing dan memberikan impak kepada landskap ICT.

Dalam pada itu, katanya lagi,

seperi tahun-tahun yang lalu, BICTA juga turut menyerapkan beberapa aktiviti seperti BICTA Plus Bootcamp iaitu sebuah program bimbingan dan latihan khusus bagi peserta-peserta BICTA untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka sebagai persiapan diri sebelum pertandingan.

“Alhamdulillah, BICTA telah mencapai usianya yang ke-20 tahun semenjak ia diungkayahkan pada tahun 2004. Bersempena dengan ulang tahun ini, BICTA memperkenalkan penghargaan khas bagi mengiktiraf dan menghargai jasa individu yang bergiat aktif dan sumbangkan kepimpinan di dalam meneraju perjalanan BICTA, termasuk pada peringkat pertandingan ICT antarabangsa iaitu, Asia-Pacific ICT Alliance (APICTA) Awards,” ujarnya lagi.

Menurutnya lagi, pemenang dan peserta BICTA yang terpilih akan berpeluang mewakili Negara Brunei Darussalam (NBD) ke APICTA Awards dan bersaing dengan peserta daripada kalangan 16 Ahli-ahli Ekonomi APICTA insyaaAllah pada penghujung tahun ini. “Alhamdulillah, NBD telah diberi penghormatan sekali lagi untuk menganjurkan APICTA 2024 setelah berjaya mengendalikannya buat pertama kali pada tahun 2012,” tambahnya lagi.

Beliau menyeru dan menggalakkan pelajar-pelajar dan individu-individu yang kreatif serta para pengusaha yang mempunyai

inspirasi tinggi, untuk menyertai BICTA 2024 dan menyahut cabaran dalam mewujudkan inovasi dan ciptaan baharu serta mengambil peluang daripada penganjuran APICTA di negara sendiri untuk meraih beberapa kemenangan pada peringkat antarabangsa setelah merangkul sebanyak empat Anugerah Pemenang dan 32 Anugerah Merit setakat ini.

Kategori-kategori yang dipertandingkan pada tahun ini termasuk Kategori Utama melibatkan Perkhidmatan Pengguna dan Perniagaan; Khidmat Kemasyarakatan dan Keikutsertaan; serta Perindustrian, di mana pemenang masing-masing akan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND5,000. Manakala bagi Awam dan Kerajaan akan membawa pulang trofi dan sijil.

Bagi Kategori Sekolah pula, pemenang Sekolah Rendah akan membawa pulang hadiah wang tunai BND1,000; Sekolah Menengah, BND1,500; dan Institusi Pengajian Tinggi, BND2,000. Sementara pemenang Kategori Silang yang melibatkan Pemula (Start Up); Penyelidikan dan Perkembangan; serta Teknologi, masing-masing akan menerima hadiah wang tunai BND5,000.

Tertakluk kepada kelayakan, mana-mana penyertaan dalam Kategori Utama (kecuali Kategori Sekolah) dibolehkan juga untuk menyertai salah satu daripada Cross Categories yang bersesuaian dengan produk yang dipertandingkan.

Selain itu, BICTA 2024 juga turut mengetengahkan lima Anugerah Smart Nation khusus bagi penyertaan yang tidak memenangi mana-mana kategori pertandingan tetapi telah memenuhi ciri-ciri aspirasi ‘Negara Pintar Melalui Transformasi Digital’

bagi meningkatkan kualiti hidup, Perkhidmatan Awam, pendidikan, keselamatan, mobiliti orang ramai dan untuk mencapai kelestarian alam sekitar dalam lima sektor tertentu, iaitu Pelancongan, Pertanian, Pembinaan, Logistik dan Pengangkutan serta Pendidikan.

Majlis kemudian menyaksikan tetamu kehormat melancarkan BICTA 2024 dengan menggunakan Hologlass iaitu teknologi yang menggabungkan elemen hologram dengan material kaca bagi menciptakan pengalaman visual yang menarik. Hologlass dibangunkan oleh Syarikat Zylit iaitu salah satu peserta BICTA bagi tahun yang lalu. Majlis juga diserikan dengan penyampaian Penghargaan Khas BICTA bersempena dengan ulang tahun penganjuran BICTA Ke-20.

Pada tahun ini BICTA telah memperkenalkan Penghargaan Khas bagi mengiktiraf dan menghargai sumbangan dan jasa individu di dalam pencapaian BICTA termasuk pada peringkat Pertandingan ICT antarabangsa iaitu APICTA.

Penerima penghargaan Khas BICTA bagi Penghargaan Penyertaan Individu Paling Aktif terdiri daripada peserta BICTA yang lalu daripada kalangan industri dan guru-guru pengawas bagi penyertaan sekolah ke pertandingan BICTA, yang mempunyai dedikasi penuh dan sentiasa memberi komitmen

yang tinggi melalui penyertaan yang konsisten serta meraih kemenangan pada pertandingan antarabangsa APICTA.

Antaranya ialah Awang Haji Muhammad Zuwaini bin Haji Aliyani, Ma’had Islam Brunei; Matthew Wong, Chung Hwa Middle School, Bandar Seri Begawan; Pengiran Khairi bin Pengiran Haji Metussin, Mindtrex Academy dan Dayang Sarinah binti Ziziumiza, Rumine Corporation.

Sementara itu, bagi penerima Penghargaan Jasa Bakti BICTA adalah daripada kalangan pemimpin dan individu yang telah banyak menyumbangkan tenaga dan buah fikiran, turut menabur jasa ke arah pembinaan dan peningkatan BICTA serta terlibat secara aktif di dalam meneraju APICTA. Penerima-penerima tersebut adalah Dr. Yong Chee Tuan dan Sheikh Haji Abas bin Sheikh Mohamad.

BICTA yang mula diperkenalkan pada tahun 2004 merupakan acara pertandingan ICT tahunan yang dianjurkan bersama oleh MTIC, AITI dan IFB. BICTA juga turut disokong Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, dan Darussalam Enterprise (DARE).

Turut diserapkan ke dalam aktiviti BICTA 2024 adalah BICTA Plus Bootcamp, iaitu program bimbingan dan latihan khusus bagi peserta-peserta BICTA untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan mereka sebagai persiapan diri sebelum pertandingan.

Antara topik yang diketengahkan merangkumi ideation and validation perancangan perniagaan dan kewangan, strategi pemasaran, kemahiran pitching dan pembentangan serta design and thinking.

Sebaua sekolah rendah, menengah serta institusi pengajian tinggi, individu, Pengusaha-pengusaha Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), agensi kerajaan dan badan-badan organisasi yang mempunyai produk-produk ICT adalah dialulukan untuk menyertai BICTA 2024.

Maklumat lanjut mengenai BICTA dan borang penyertaan boleh didapati di laman sesawang BICTA di www.bicta.gov.bn. Tarikh akhir bagi penghantaran penyertaan adalah pada 30 Mei 2024. Bagi maklumat lanjut, pihak-pihak yang berminat boleh menghubungi Urusetia BICTA melalui e-mel di bicta@aiti.gov.bn atau menghubungi talian +673 2323232.



SEKITAR pelancaran BICTA 2024 yang berlangsung di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

DIDIK BELIA, DUKUNG GAGASAN NEGARA ZIKIR



TAZKIRAH Subuh disampaikan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Danau, Awang Abdul Hadi bin Abdul Rahman.

TUTONG, Jumaat, 19 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) awal pagi tadi mengungkayahkan Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1445H / 2024M bersempena dengan Sambutan Hari Sukarelawan Antarabangsa 2023 yang berlangsung di Masjid Kampung Keriam, di sini.

Hadir ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad.

Juga hadir, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Setiausaha Tetap (Kesukanan) KKBS, Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud; Setiausaha Tetap (Kebeliaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji

Md Salleh; serta Pegawai-pegawai Kanan KKBS.

Atur cara dimulakan dengan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd Fauzi bin Haji Anuar, diikuti dengan Tazkirah Subuh bertajuk 'Andai Semua Orang Melakukannya' yang disampaikan oleh Ketua Imam Masjid Kampung Danau, Awang Abdul Hadi bin Abdul Rahman.

Wira Fajar turut diseluruhkan dengan bacaan Surah Al-Kahfi yang dipimpin oleh Belia Masjid, Awang Nur Asmawi bin Awang Asli serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dikepalai oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid dan diakhiri dengan

YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir pada Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid bagi Tahun 1445H / 2024M.

Sembahyang Sunat Duha.

Acara turut disertai oleh seramai lebih 300 jemaah yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan dari KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya, ahli jawatankuasa takmir masjid, pegawai-pegawai kerajaan, persatuan dan pergerakan belia, belia-belia masjid serta penduduk sekitar Kampung Keriam.

Wira Fajar Program Belia Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah di Masjid ini dihasratkan



Berita dan Foto : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

agar dapat mendidik diri para belia untuk mengerjakan sembahyang berjemaah di masjid serta memberikan pendedahan kepada

para belia dengan mengisi aktiviti yang bermanfaat yang membawa belia-belia mendukung gagasan Negara Zikir.



ANTARA jemaah yang hadir pada program berkenaan.

Mesyuarat Task Force kemas kini garis pandu proses penglibatan AIPA

Siaran Akbar dan Foto :
Jabatan Majlis-Majlis Mesyuarat

>> Muka 1

MMN diwakili oleh Ahli MMN, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Mesyuarat antara lain telah mengemaskinikan garis pandu proses penglibatan AIPA bersama dengan pihak luar (The Enhancement of Guidelines of AIPA's Engagement with Externals).

Pengemaskinian garis pandu tersebut adalah bagi memenuhi kehendak dengan meningkatnya kerjasama pertubuhan ASEAN Inter-Parliamentary Assembly (AIPA) bersama parlimen di luar rantaui ASEAN yang menjadi negara pemerhati AIPA termasuk kerjasama bersama pertubuhan parlimen, agensi bukan kerajaan dan agensi-agensi lainnya.

YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara semasa menghadiri Mesyuarat Task Force on the Enhancement of Guidelines of AIPA's Engagement with Externals and Digital Law Library Establishment.

Mesyuarat juga telah membincangkan penyelarasan bagi penubuhan perpustakaan Digital Koleksi Undang-undang Negara-negara Ahli AIPA (Digital Law Library Establishment) yang telah dicadangkan oleh Dewan Perwakilan Rakyat Kemboja (National Assembly of the Kingdom of Cambodia) semasa Perhimpunan Agung AIPA Ke-43 di Phnom Penh, Kemboja pada tahun 2022.

Perpustakaan yang bertujuan bagi menyimpan dokumen secara sistematis tersebut diharapkan untuk dilancarkan pada pertengahan tahun 2024.



MEMPELAJARI, MEMAHAMI ILMU MANASIK HAJI DITEKANKAN

>> Muka 1

Maka sehubungan itu tegasnya, guru-guru pengkursus dan pembimbing-pembimbing ibadat haji dan umrah yang dilantik bertanggungjawab sebagai penyampai dan berperanan penting dalam menyalurkan ilmu dan maklumat tentang manasik haji kepada bakal jemaah haji hingga menjadikan mereka betul-betul mengetahui dan memahaminya dan dapat melaksanakan manasik haji dengan teratur dan sempurna di Tanah Suci nanti.

Justeru beliau menyarankan agar semua guru-guru pengkursus ibadat haji dapat mengambil perhatian beberapa perkara yang perlu disampaikan dan disediakan sewaktu kursus nanti antaranya menekankan penghayatan sewaktu berada di bumi Arafah; memberikan maklumat dan perbandingan mengenai kemudahan penginapan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak-pihak berkenaan;

mengajarkan doa atau zikir; dan menyeragamkan dan menyelaraskan hukum-hukum permasalahan yang ditimbulkan jemaah.

Beliau juga yakin dan berharap kepada semua peserta muzakarah yang hadir dapat memanfaatkan ilmu yang diperoleh sebagai tambahan dan memantapkan lagi kefahaman ilmu ibadat haji dan umrah yang sedia ada, dan mengongsikan ilmu dan menyampaikan maklumat kepada pelajar-pelajar, bakal jemaah haji serta orang awam sesuai dengan peranan masing-masing.

"Di samping itu juga para peserta yang hadir pada muzakarah ini adalah diperlukan untuk menjadi pelapis guru-guru pengkursus ibadat haji dan umrah di masa akan datang," tambahnya.

Majlis juga turut diisikan dengan pembentangan Kertas Kerja Perdana bertajuk 'Haji : Mendidik Jiwa, Meraih Syurga' yang disampaikan oleh Penolong

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

Rektor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Lilly Suzana binti Haji Shamsu dan seterusnya Pembentangan Resolusi yang disampaikan oleh Pemangku Penolong Pengarah, Jabatan Urusan Haji, KHEU, Pengiran Haji Haslin bin Pengiran Haji Ali.

Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadat Haji dan Umrah Tahun 1445H / 2024M dihadiri oleh lebih 100 orang peserta terdiri daripada tenaga-tenaga pengkursus ibadat haji dan umrah dan penyelia-penyelia kursus yang dilantik, guru-guru sekolah-sekolah ugama dan sekolah-sekolah menengah, pembimbing-pembimbing saudara baru (mualaf) Pusat Da'wah Islamiyah, para pegawai masjid serta pembimbing haji dan umrah daripada syarikat-syarikat pengendali Pakej Haji dan Umrah.

Tujuan muzakarah antara lain untuk menyelaras hukum hakam berkaitan haji, umrah dan ziarah dalam kalangan guru-guru pengkursus, selain menyebarkan luas, menambah dan memantapkan ilmu-ilmu Manasik Haji bagi tenaga-tenaga pengajar, pembimbing-pembimbing saudara baharu (mualaf), imam-imam masjid serta pembimbing-pembimbing syarikat Pakej Haji dan Umrah.

SETIAUSAHA Tetap KHEU semasa menyampaikan sijil kepada para peserta (atas kanan), manakala gambar kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



Pembayaran Pakej Haji bermula 19 Januari

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, dengan segera untuk Khamis, 18 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menerusi Jabatan Urusan Haji ingin memaklumkan kepada bakal-bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M bawha pembayaran Pakej Haji bagi Musim Haji Tahun 1445H / 2024M akan bermula pada Jumaat, 19 Januari 2024 dan berakhir pada Rabu, 31 Januari 2024.

Sehubungan itu, bakal-bakal jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan ibadat haji pada Musim Haji Tahun 1445H / 2024M ini adalah dikehendaki

Bakal-bakal jemaah haji bolehlah berhubung terus dengan Syarikat-syarikat Pengendali Perkhidmatan Pakej Haji yang dipilih pada waktu yang telah ditetapkan tersebut bagi memastikan semua urusan haji dengan pihak berkenaan di Arab Saudi berjalan dengan lancar dan teratur.

Bakal-bakal jemaah haji bolehlah berhubung terus dengan Syarikat-syarikat Pengendali Perkhidmatan

Pakej Haji yang dipilih untuk sebarang maklumat lanjut mengenai Pakej Haji yang ditawarkan dan proses pembayaran Pakej Haji.



Pengambilan HE CAS 2024 Pusingan Pertama dibukakan

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajaran Tinggi memaklumkan bahawa pengambilan HE CAS 2024 Pusingan Pertama secara dalam talian bagi kemasukan ke Institusi-institusi Pengajaran Tinggi Awam (IPTA) iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Universiti Teknologi Brunei (UTB), Politeknik Brunei (PB) dan permohonan Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri di bawah kendalian Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan bagi Tahun Akademik 2024 / 2025 yang akan bermula pada Khamis, 18 Januari 2024, jam 9.00 pagi dan akan ditutup pada Khamis, 29 Februari 2024, jam 3.00 petang.

Kursus-kursus yang ditawarkan adalah pada peringkat Ijazah Pertama, Diploma Tertinggi

Kebangsaan dan Diploma Level 5. HE CAS dibukakan kepada pemegang kad pintar Brunei Darussalam yang sah, iaitu Kad Pintar yang berwarna Kuning, Ungu atau Hijau.

HE CAS tidak memproses permohonan seperti Skim Latihan Dalam Perkhidmatan; dan Permohonan pelajar antarabangsa yang tidak mempunyai Kad Pintar yang tersebut di atas.

Pemohon boleh memakai keputusan yang diramal (Predicted Result) untuk memohon ke IPTA (UBD, UNISSA dan UTB) atau permohonan Biasiswa Kerajaan ke Luar Negeri di bawah kendalian Bahagian Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

Pemohon yang berjaya akan diberi Tawaran Bersyarat (Conditional Offer) oleh institusi berkenaan.

Sebelum tarikh tutup HE CAS,

pemohon adalah dikehendaki untuk membuat pembayaran tertunggak melalui BIBD Mobile Application atau secara tunai di kaunter pembayaran di Kaunter 8 (Unit Tunai dan Hasil), Blok 'C', Tingkat Bawah, Pusat Perkhidmatan Setempat, Kementerian Pendidikan; Pusat Tingkatan Enam Tutong; Sekolah Menengah Sultan Hassan, Temburong.

Para pemohon juga perlu memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan dalam Institution Checklist.

Bagi keterangan lanjut, bolehlah melayari laman web Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn atau laman sesawang HE CAS yang baharu di hecas.moe.gov.bn.

Sebarang pertanyaan, pemohon boleh berhubung terus dengan Pentadbiran HE CAS melalui e-mel di ask.hecas@moe.gov.bn atau melalui nombor telefon +673 2381992 / +673 2384149 semasa waktu pejabat.



17 PESERTA TERIMA SIJIL ELP

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

TUNGKU LINK, Khamis, 18 Januari. - Seramai 17 peserta daripada Pihak Berkusa Industri Teknologi Info-Komunikasi Brunei Darussalam (AITI) telah berjaya menamatkan Program Latihan Kepimpinan (Executive Leadership Program - ELP) selama empat bulan yang dianjurkan oleh Universiti

Teknologi Brunei (UTB). Sehubungan itu, para peserta diraikan dalam Majlis Penyampaian Sijil ELP UTB-AITI yang berlangsung di Dewan Kuliah 2, Kompleks Perpustakaan UTB, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta program ialah Naib

Canselor UTB, Datin Paduka Profesor Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman.

Ketua Eksekutif AITI, Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar dalam ucapannya berkata bahawa Program ELP telah meningkatkan lagi pengetahuan dan pemahaman para peserta dengan mengaplikasikan secara praktikal apa yang telah dipelajari ke dalam pekerjaan harian dan menjadi lebih yakin berbanding sebelum ini.

Beliau turut melahirkan keyakinan, bahawa segala pengetahuan dan kemahiran yang diperoleh akan dapat memberi manfaat terhadap kerjaya mereka selain sentiasa terus berkeinginan untuk belajar dalam menyesuaikan diri dengan dunia yang sentiasa berubah ini.

Ir. Haji Jailani dalam pada itu menyeru para peserta program

untuk berkongsi apa yang mereka pelajari daripada program berkenaan kepada rakan-rakan sejawat yang lain kerana dengan mengongsi pandangan serta pengalaman, ia akan membantu mereka untuk meningkatkan lagi tahap kepimpinan masing-masing serta merangsang yang lain untuk berusaha mencapai kecemerlangan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sijil kepada para peserta program yang disempurnakan oleh Datin Paduka Profesor Dr. Hajah Zohrah.

Pada majlis berkenaan, peserta terbaik program berkenaan, Dayang Umi Kalshum binti Awang Suhaimi dalam ucapannya bagi mewakili semua peserta program menyatakan penghargaan mereka kepada pensyarah-pensyarah program serta yakin bahawa pengetahuan yang diperoleh akan dimanfaatkan sepenuhnya dan membantu mengembangkan kepimpinan mereka.

Pada tahun 2022, UTB dan AITI telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) untuk



KETUA Eksekutif AITI, Ir. Haji Jailani bin Haji Buntar semasa berucap.

membangunkan program berkenaan dengan matlamat untuk menghasilkan pemimpin-pemimpin berkualiti tinggi dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan bagi memanfaatkan peluang, mengatasi cabaran serta menyesuaikan diri kepada keadaan.



NAIB Canselor UTB semasa menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta program.

EPT Ke-9 : Pusat Informasi Sehenti Pengajian Tinggi



PEMANGKU Penolong Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi Kementerian Pendidikan, Dayang Dina Roslina binti Haji Aliuddin, selaku Timbalan Pengerusi Projek EPT 2024 semasa Sidang Media bagi Ekspos Pengajian Tinggi (EPT) Ke-9, 2024.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Haflah Pg. Osman

BERAKAS, Khamis, 18 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) akan mengadakan Ekspos Pengajian Tinggi (EPT) Ke-9, 2024 selama dua hari, iaitu pada Sabtu, 3 Februari 2024 dan Ahad, 4 Februari 2024 bertempat di Dewan 2, BRIDEX, Jerudong.

EPT berkenaan mula dibukakan untuk kunjungan orang ramai dari jam 10.00 pagi hingga 5.00 petang. Manakala, pada Ahad, 4 Februari 2024 ekspos bermula jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Sehubungan dengan itu, satu sidang media mengenai EPT Ke-9 bagi Tahun 2024 berlangsung pagi tadi di Dewan Persidangan 1, Kementerian Pendidikan, di sini.

Hadir bagi menerangkan mengenai ekspos berkenaan, Pemangku Penolong Pengarah JPT, Kementerian Pendidikan, Dayang Dina Roslina binti Haji Aliuddin, selaku Timbalan Pengerusi Projek EPT 2024.

EPT berkenaan diungkayahkan dengan tujuan untuk menyediakan Pusat Informasi Sehenti (One Stop Information Centre) Pengajian Tinggi dengan institusi-institusi

daripada pengajian pasca menengah, pengajian tinggi awam dan swasta serta agensi-agensi sektor pendidikan dalam negeri untuk memberikan prospek pengajian pasca menengah dan pengajian tinggi yang terdapat di dalam negara dan antarabangsa.

Ekspos berkenaan akan memberi peluang kepada orang ramai khususnya pelajar untuk bersemuka dengan pihak Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serta agensi-agensi sektor pendidikan bagi mendapatkan maklumat-maklumat yang diperlukan, di samping menyediakan landasan digital bagi webinar (seminar secara dalam talian) untuk penjelasan pelbagai topik berkaitan peluang dan proses bagi akses ke pasca menengah atau pengajian tinggi.

Setakat Khamis, 18 Januari 2024, jumlah IPT, agensi perkhidmatan pendidikan dan juga agensi-agensi kerajaan dan swasta yang menyertai EPT berkenaan adalah sebanyak 39 buah, iaitu terdiri daripada 14 institusi-institusi Pendidikan Tinggi Awam (IIPTA) dan swasta dalam negeri, sembilan institusi dari luar negara, dua daripada kedutaan dan 14 agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Penyertaan daripada IIPTA

Brunei Darussalam, iaitu Universiti Brunei Darussalam (UBD); Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Universiti Teknologi Brunei (UTB); Politeknik Brunei (PB); Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE); dan Pusat Pembangunan Belia (PPB).

Manakala penyertaan IPT Swasta terdiri daripada Laksamana College of Business (LCB); Cosmopolitan College of Commerce and Technology (CCCT); Kemuda Institute (KI); Brunei Darussalam Institute of Certified Public Accountants Academy Sdn. Bhd. (BICPA); Jerudong Park Medical Centre College of Health Sciences (JCHS); Micronet International College (MIC); Mahakarya Institute of Arts Asia (MIAA); dan HADTech College (HTC).

Institusi-institusi dari luar negara yang menyertai ekspos berkenaan ialah Okayama University dari Jepun; Singapore University of Social Sciences dan Singapore Management University dari Singapura; i-CATS University College; University of Technology Sarawak; Universiti Islam Selangor; Swinburne University of Technology Malaysia Campus; Enterprise Ireland dari Malaysia; dan University College

Dublin dari Ireland.

Semasa EPT berlangsung, Kementerian Pendidikan juga akan mengongsikan maklumat-maklumat terkini seperti Sistem Pusat Kemasukan ke Pengajian Tinggi atau Higher Education Centralized Admission System (HECAS), biasiswa-biasiswa kerajaan, permohonan bagi mendapatkan pengiktirafan kursus / kelulusan.

Antara jabatan-jabatan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan yang menyertai ekspos berkenaan nanti adalah JPT, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat, Unit Kaunseling dan Unit Pendidikan Kerjaya dari Jabatan Sekolah-sekolah dan Jabatan Pengurusan Pendidik.

Sementara penyertaan daripada kedutaan-kedutaan, agensi-agensi kerajaan dalam ekspos termasuklah Kedutaan Jepun; Kedutaan Amerika Syarikat; dan Sekretariat Tetap Manpower Planning and Employment Council (MPEC), Jabatan Perdana Menteri.

Agensi-agensi swasta yang turut serta pula terdiri daripada Brunei Shell Petroleum; Bank Islam Brunei Darussalam; Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei Group of Companies; Royal Brunei Airline Sdn. Bhd.; Paradigm Scholar Agency; Findlay (B) Sdn. Bhd.; HRDS Educational Services; CFBT Educational Services; MEG Educational Services; James Hon Educational Services; Beyond Tomorrow; Mahkota Maju Sdn. Bhd.; dan Joffren Omar Company Sdn. Bhd.

Ekspos berkenaan adalah dibuka kepada orang awam, khususnya pelajar lepasan menengah (lepasan Brunei GCE 'O' Level) dan pra-universiti (Brunei GCE 'A' Level) atau yang berkelulusan sebanding dengannya yang berhasrat untuk meneruskan pengajian ke peringkat lebih tinggi termasuk mereka yang ingin mengembangkan kemahiran secara *upskilling* (meningkatkan kemahiran yang ada) dan *reskilling* (mempelajari kemahiran baharu yang lain).

Oleh yang demikian, pihak

institusi akan mengongsikan program-program seperti National Technical Education Certificate (NTec), Higher National Technical Education Certificate (HNTec), Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana sehingga program Ijazah Kedoktoran.

Antara faedah menyertai EPT Ke-9 Tahun 2024 berkenaan adalah untuk mengetahui tatacara permohonan ke IPT; mendapatkan bimbingan daripada pakar pengajian tinggi; berpeluang untuk berinteraksi secara bersemuka dengan wakil pendidikan tinggi; dan mendapatkan maklumat tentang peluang biasiswa.

EPT kali ini juga akan mengadakan sesi webinar secara dalam talian, iaitu pada Isnin, 5 Februari 2024 dan Selasa, 6 Februari 2024 pada jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang.

Webinar berkenaan akan disampaikan oleh beberapa institusi pendidikan secara dalam talian menerusi platform YouTube.

Antara topik yang akan dikongsikan adalah tatacara permohonan HECAS dan peluang-peluang tawaran biasiswa. Kementerian Pendidikan mengalau-alukan orang awam terutamanya para pelajar dan ibu bapa untuk berkunjung ke EPT Ke-9, 2024 berkenaan.

Ekspos berkenaan akan menyediakan kemudahan letak kereta dan perkhidmatan bas ulang alik (Shuttle Bus) bertempat di Letak Kereta Jerudong Park Amphitheatre.

Papan-papan tanda akan disediakan bagi menunjukkan tempat letak kereta dan perkhidmatan bas ulang alik berkenaan.

Orang ramai boleh mendapatkan peta kedudukan lokasi perkhidmatan berkenaan di dalam laman sesawang Kementerian Pendidikan dan JPT.

Orang ramai yang berhasrat untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ekspos berkenaan bolehlah melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di <https://moe.gov.bn> dan laman sesawang JPT di <https://hiedbrunei.moe.gov.bn/> dan melalui akaun Instagram @moe_brunei dan @hiedbrunei.

LEBIH 8 RIBU DISUMBANGKAN KE TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh semasa menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 18 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 berjumlah BND8,177.21 daripada tiga buah agensi pagi tadi bertempat di Bangunan KKBS.

Sumbangan derma berkenaan diterima oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Bright Sky Company

menyerahkan sumbangan derma berjumlah BND5,130 yang disampaikan oleh Pengasas Chu Chu Exclusive, Dayang Rahillah binti Aliudin.

Sumbangan berkenaan adalah hasil daripada jualan produk Chu Chu Exclusive.

Sementara itu, BIBD Advocating Life-Long Learning for an Aspiring Future (BIBD ALAF) menyumbangkan sejumlah BND2,310.01 yang disampaikan oleh Awang Md. Firdaus bin Md. Salleh, dan Awang Md. Adi Hamizi

bin Abdullah Abd. Hamid, kedua-duanya daripada penuntut Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanal Bolkiah (SMALHB); Dayang Asqina Nur Hainah binti Khairul Al'Azim, penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha (SUAMRIPAH); dan Dayang Nurhazirah binti Haji Awang Damit, penuntut Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah.

Sumbangan derma berkenaan adalah hasil daripada jualan biskut di Bandarku Ceria pada 3 Disember 2023.

Manakala Society for the Management of Autism Related issues in Training, Education and Resources (SMARTER) Brunei menyumbangkan sejumlah BND737.20 yang disampaikan oleh Bryan Liew Wei Onn dan Awangku Mohd. Edzra Badree bin Pengiran Zamni, penuntut dan Pembantu Terapi di SMARTER.

Sumbangan berkenaan adalah hasil daripada jualan roti yang diusahakan oleh para penuntut SMARTER sepanjang November dan Disember 2023.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma berkenaan ialah para pegawai dari Jabatan Pembangunan Masyarakat serta ahli-ahli daripada agensi berkenaan.



Selamatkan Usus Awda.

Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA

Selamatkan Usus Awda

Taklimat Kenegaraan semai semangat patriotik



Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BELAIT, Khamis, 18 Januari. - Setiap negara di dunia memiliki bendera rasmi dan lagu kebangsaan masing-masing termasuklah Negara Brunei Darussalam (NBD), yang perlu dihayati, dihormati dan dipelihara. Dari itu, kibarkanlah dengan megah bendera negara dan nyanyikan Lagu Kebangsaan NBD dengan penuh penghayatan dan penghormatan.

Perkara tersebut merupakan antara pengisian Taklimat

Kenegaraan yang disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Musa bin Mohidin dalam sebuah program yang diadakan di Perpustakaan Sekolah St. Angela, Seria.

Seramai 23 penuntut Tahun 7 menghadiri taklimat berkenaan yang juga dihadiri oleh Pengetua Sekolah, Dayang Chia Wann Ching dan tenaga pengajar.

Taklimat juga menyentuh mengenai raja kita, tatacara menaik-kibarkan bendera negara dan juga sejarah Lagu Kebangsaan NBD, 'Allah Peliharakan Sultan'. Para penuntut seterusnya berpeluang menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara' dan klip video animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Acara diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada pemenang Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan



TAKLIMAT Kenegaraan disampaikan oleh Ketua Cawangan Penerangan Daerah Belait, Awang Musa bin Mohidin (kiri). Manakala gambar atas, antara pelajar yang hadir. Sementara gambar bawah, sesi bergambar ramai.

Penerangan dan sesi bergambar ramai.

Komunikasi Strategik.

Ia salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara dengan hasrat akan dapat mengukuhkan lagi semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam kalangan diri penuntut.



TIPS MEMUAT NAIK

PENTING: Pastikan menggunakan pelayar seperti Google Chrome / Mozilla Firefox / Safari

#1 Format fail yang betul
PDF: Kad Pengenalan, Lesen Memandu, Sijil, Transkrip & Lain-lain Dokumen


#2 Saiz fail tidak melebihi 3MB

#3 Dokumen yang diimbang hendaklah dalam versi asal / berwarna

#4 Nama fail tidak mengandungi sebarang simbol dan jarak (space)

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENYERAHAN SUMBANGAN DERMA TABUNG KEMANUSIAAN RAKYAT PALESTIN



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh semasa menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023 (atas dan kanan).

■ Siaran Akbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Januari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) menerima sumbangan derma bagi Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza 2023

berjumlah BND26,798.90 daripada enam buah agensi pagi tadi bertempat di Bangunan KKBS.

Sumbangan derma berkenaan diterima oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh.

Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam menyumbang sejumlah BND11,000 yang disampaikan oleh Ra'es Rabitah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yussof.

Sumbangan berkenaan adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli persatuan berkenaan.

Sementara Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB) menyumbang sejumlah BND4,000 yang disampaikan oleh Yang Di-Pertua PGGMB, Haji Awang Abdul Alim bin Haji Awang Othman.

Sumbangan berkenaan adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli persekutuan dan para pelajar Sekolah PGGMB.

Manakala Dynamic Café menyumbang sejumlah BND2,801 yang disampaikan oleh Eksekutif Pemasaran, Dynamic Café, Joston Lim.

Sumbangan derma berkenaan adalah 100 peratus daripada hasil kutipan jualan hidangan utama kafe berkenaan yang dijalankan pada



24 November hingga 3 Disember 2023.

JHK Studio pula menyumbang sejumlah BND2,100.50 yang disampaikan oleh Pemilik JHK Studio, Awang Mohammad Huzaime bin Haji Kassim; dan Ahli JHK Studio, Dr. Nurhazwani binti Haji Ismail, selaku pengajur aktiviti amal Indoor Cycling.

Sumbangan berkenaan adalah hasil daripada aktiviti amal riadah Indoor Cycling yang diadakan di JHK Studio Kiulap dan sumbangan daripada peti tabung yang ditempatkan di premis berkenaan.

Sementara Persatuan Masyarakat Indonesia di Negara

Brunei Darussalam (PERMAI) menyumbang sejumlah BND5,400 yang disampaikan Presiden PERMAI, Awang Mukhidin bin Umar, dan diiringi Kordinator Fungsi Penerangan, Sosial dan Budaya, Kedutaan Besar Republik Indonesia, Endang Dewi Mardeyani.

Sumbangan berkenaan adalah hasil kutipan daripada ahli-ahli persatuan berkenaan.

KKBS juga berkesempatan untuk menerima sumbangan derma daripada golongan kanak-kanak yang ingin ikut serta memberikan impak positif terhadap penduduk di

Gaza.

Arno Zoey Wonderland merealisasikan impian berkenaan dengan menerima kutipan daripada kanak-kanak yang berkunjung dan berjaya mengumpulkan sebanyak BND1,497.40 yang disampaikan oleh Pengarah Arno Zoey Wonderland, Jessie Lim, pagi tadi di Bangunan KKBS.

Turut hadir bagi menyaksikan penyerahan derma berkenaan ialah para pegawai dari Jabatan Pembangunan Masyarakat serta ahli-ahli daripada agensi berkenaan.

Permohonan SBPP dibukakan sehingga 29 Februari ini

■ Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Rabu, 17 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa sukacita memaklumkan bahawa permohonan Skim Bantuan Pinjaman Pendidikan (SBPP) bagi Sesi Akademik 2024 / 2025 akan bermula pada Khamis, 18 Januari 2024, jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada Khamis, 29 Februari 2024, jam 4.00 petang.

Pemohon yang berminat adalah dikehendaki untuk memohon sekurang-sekurangnya satu program yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dalam negeri melalui sistem Higher Education Centralised Admission System (HECAS).

Pemohon juga dikehendaki untuk menghadapkan borang permohonan (*softcopy*) melalui e-mel sbpp@moe.gov.bn di samping menghadapkan dokumen yang berkaitan termasuk borang permohonan SBPP dan HECAS (*hardcopy*) ke Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kaunter 3, Pusat Perkhidmatan Setempat, Blok 'C', Lantai Dasar, Kementerian Pendidikan sebelum atau tidak lewat daripada tarikh tutup permohonan SBPP.

Permohonan SBPP hanya akan ditawarkan sekali setahun sahaja. Pemohon yang belum memperoleh keputusan rasmi adalah dikehendaki untuk menghadapkan keputusan ramalan (*predicted results*) yang dikeluarkan oleh sekolah / institusi masing-masing.

Walau bagaimanapun, keputusan permohonan SBPP adalah tertakluk kepada keputusan rasmi yang akan diperoleh nanti.

Selepas pengumuman keputusan permohonan SBPP, pemohon yang tidak berjaya tetapi memenuhi syarat kelayakan bolehlah menghadapkan surat rayuan kepada Jabatan Pengurusan Biasiswa untuk dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, pemohon diberi masa tiga hari bekerja sahaja untuk menghadapkan surat rayuan berkenaan.

Borang permohonan berserta terma dan syarat SBPP boleh didapat melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Pemohon bolehlah merujuk kepada dokumen 'garis panduan' bagi prosedur permohonan.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara berkenaan, bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan melalui talian +673 2380019 (pejabat) pada Isnin hingga Khamis dan Sabtu, bermula jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang, e-mel ke sbpp@moe.gov.bn atau scholarship@moe.gov.bn.



NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh pecaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurus dengan mereka.

MENYELARAS HUKUM-HAKAM BERKAITAN HAJI, UMRAH DAN ZIARAH



Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Januari. - Jabatan Urusan Haji (JUH), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah pagi tadi menganjurkan Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadah Haji dan Umrah bertempat di Dewan Multaqa, KHEU, di sini.

Muzakarah berkenaan antara lain bertujuan untuk menyelaras hukum-hakam berkaitan haji, umrah dan ziarah dalam kalangan guru-guru pengkursus, selain

menyebarluaskan, menambah dan memantapkan ilmu-ilmu manasik haji bagi para tenaga pengajar, pembimbing saudara baharu (mualaf), imam-imam masjid serta para pembimbing syarikat Paket Haji dan Umrah.

Sesi Muzakarah berkenaan diisikan dengan dua pembentangan kertas kerja.

Pada pembentangan kertas kerja pertama iaitu 'Permasalahan Hukum Manasik Haji' bagi Musim Haji Tahun 1444H / 2023M, terdapat dua orang pembentang menyampaikan kertas kerja masing-masing.

Pegawai Istibat Kanan, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Daud mengongsikan tajuk mengenai keluar dari Mina pada 12 Zulhijah (Nafar Awwal) sebelum gelincir matahari dan sembahyang jamak sewaktu berada di Arafah.

Manakala, Pegawai Buhuth Kanan, JMK, Pengiran Zamiri bin Pengiran Jamaludin pula menyentuh mengenai kedudukan Sembahyang Jumaat jemaah Negara Brunei Darussalam (NBD) di Mina.

Sementara itu, bagi

SEKITAR Majlis Muzakarah Pengkursus Ibadah Haji dan Umrah bertempat di Dewan Multaqa, KHEU (atas dan kiri).

pembentangan kertas kerja kedua, iaitu 'Manasik Haji Wanita', Pegawai Istibat Kanan, JMK, Dayang Hajah Noraini binti Haji Buntar pula menerangkan mengenai sembahyang jemaah bagi jemaah perempuan yang mengikuti imam jemaah lelaki di khemah yang berasangan.

Di samping pembentangan kertas kerja, taklimat pengurusan haji juga turut disampaikan oleh Ketua Bahagian Dasar dan Perhubungan, JUH, Awang Haji Mohd. Hisham bin Awang Haji

Maidin dengan tujuan untuk memberi penerangan mengenai haji NBD dan gambaran serta situasi sebenar dan terkini di tanah suci terutama di Padang 'Arafah dan Mina seperti menjelaskan tentang perkhidmatan, pengurusan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh pihak-pihak berkenaan di Arab Saudi dan juga syarikat-syarikat pengendali perkhidmatan haji dan umrah serta apa juga dasar peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan Arab Saudi.

306 sertai Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya

■ Berita dan Foto : Nur Izzah Razali

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Januari. - Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya merupakan salah satu projek tahunan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS bagi menyemarakkan lagi hari-hari kebesaran Islam dan ia merupakan pengisian dalam atur cara Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran Peringkat Negara yang diadakan setiap tahun.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan pada tahun ini akan dijalankan secara tertutup, di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Tingkat 7 dan 8, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya berkenaan dibahagikan kepada lima kategori, iaitu Kategori 'A'; Kategori 'B'; Kategori 'C'; Kategori 'D'; dan Kategori 'E'.

Kategori 'A', menghafaz juz 1 iaitu juz 30, berserta pemahamannya adalah terbuka

kepada peserta yang lahir pada 2011 dan selepasnya (13 tahun ke bawah), johan dalam Kategori 'A' sebanyak dua kali berturut-turut hanya boleh menyertai musabaqah berkenaan selepas dua tahun (dari tahun kedua) menjadi johan dan bukan terdiri daripada penuntut sepenuh masa di Institut Pengajian Tahfiz Al-Quran dalam dan luar negara semasa mendaftar atau menghantar borang permohonan serta tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'B', Kategori 'C', Kategori 'D' dan Kategori 'E'.

Manakala bagi Kategori 'B', menghafaz surah-surah pilihan, iaitu Surah Luqman; Surah As-Sajidah; Surah Yaa Siin; Surah Ar-Rahman; Surah Al-Waqi'ah; Surah Al-Jumu'ah; Surah Al-Mulk; Surah Al-Jinn dan Surah Al-Insan, berserta Pemahaman Surah Al-Qasas dan Surah Al-'Ankabut.

Kategori berkenaan terbuka kepada peserta yang lahir pada 2009 dan sebelumnya (14 tahun ke atas), bukan penerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran NBD dalam semua kategori Tasmie' semasa tarikh tutup borang penyertaan dan johan dalam Kategori 'C' sebanyak dua kali berturut-turut hanya boleh menyertai musabaqah berkenaan selepas dua tahun (dari tahun kedua) menjadi johan dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'D' dan 'E'.

Bagi Kategori 'D', menghafaz 15 juz Al-Quran, iaitu daripada juz 1 hingga juz 15 berserta pemahaman Surah Saba'; Surah Fathir dan Surah Yaa Siin.

Ia terbuka kepada semua peringkat umur; dan tidak pernah menerima Elaun Ujian Tasmie' Menghafaz Al-Quran NBD dalam Kategori 30 juz, johan dalam Kategori 'D' sebanyak dua kali berturut-turut hanya boleh menyertai musabaqah berkenaan selepas dua tahun (dari tahun kedua) menjadi johan dan tidak pernah menjadi johan dalam Kategori 'E'.

Manakala Kategori 'E', menghafaz 30 juz Al-Quran, iaitu daripada juz 1 hingga juz 30 berserta pemahaman Surah Al-Fatiha dan Surah Al-Baqarah.

Kategori berkenaan terbuka kepada semua peringkat umur; dan johan dalam Kategori 'E' sebanyak dua kali berturut-turut hanya boleh menyertai musabaqah berkenaan selepas dua tahun (dari tahun kedua) menjadi johan.

Seperti lazimnya, musabaqah berkenaan diadakan dalam tiga peringkat, iaitu Peringkat Saringan



MUSABAQAH Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan pada tahun ini akan dijalankan secara tertutup, di Bilik Mesyuarat Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran MABIMS, Blok 2H, Tingkat 7 dan 8, Kondominium Ong Sum Ping, Jalan Ong Sum Ping, Bandar Seri Begawan (atas, bawah kiri dan bawah kanan).

Kebangsaan; Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan; dan Peringkat Akhir Kebangsaan.

Pada tahun ini, seramai 306 peserta mendaftar untuk mengikuti Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah berkenaan berlangsung selama enam hari bermula hari ini, 18, 20, 22, 23 dan 24 Januari 2024.

bertanding di peringkat saringan berkenaan.

Musabaqah Menghafaz Al-Quran Berserta Pemahamannya Peringkat Saringan Kebangsaan Tahun 1445 Hijrah berkenaan berlangsung selama enam hari bermula hari ini, 18, 20, 22, 23 dan 24 Januari 2024.



BIJAKSANA DALAM PENGURUSAN KEWANGAN

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 7 Rejab 1445H/19 Januari 2024M

Antara langkah-langkah inisiatif untuk mengubah sikap kita dalam pengurusan kewangan ialah:



Menyemak dan menyusun semula kewangan peribadi

Muhasabah diri dalam perbelanjaan dan gaya hidup:

- Jika melebihi kemampuan, kurangkan perbelanjaan yang tidak penting
- Simpan wang untuk rancangan masa depan



Amalkan budaya menabung

Untuk persediaan jika berlaku hal-hal kecemasan



Elakkan dari berhutang

Lebih-lebih lagi berhutang bagi perkara-perkara yang tidak berfaedah dan tidak penting

AMALAN MENABUNG

Ibu bapa memainkan peranan penting dan seharusnya menjadi contoh yang baik dalam mengamalkan tabiat suka menabung, seperti mendisiplinkan diri anak-anak agar:



Mempunya peti tabung sendiri di rumah/akaun simpanan di dalam bank



Menjelaskan kepada mereka tentang kepentingan amalan menabung



Menanamkan sifat berjimat-cermat



Berbelanja dengan bijak dan tidak bersikap boros



APA LAGI YANG BOLEH DIBUAT?

Kita hendaklah memiliki beberapa kemahiran untuk membuat keputusan yang betul dalam kehidupan, seperti:

- ✓ Membelanjakan rezeki yang diperolehi dengan bijak mengikut lunas-lunas Islam,

- ✓ Mempunya kesedaran terhadap pentingnya mengurus kewangan,
- ✓ Meningkatkan ilmu pengetahuan tentang kewangan dan risikonya,
- ✓ Mempunya sikap yang betul terhadap kewangan,
- ✓ Memotivasi diri dan mempunyai keyakinan untuk mengurus kewangan yang baik.



اللّٰهُ قَدْ يَعْلَمُ مَا كُنْتُ فَعَلْتُ لِلّٰهِ حَلْفًا

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Merafak Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis

**Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah,
D.K.M.B., D.P.K.T., P.H.B.S.**

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

*Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melimpahkan Rahmat-Nya
dengan nikmat sihat walafiat ke atas Mempelai Diraja dan
berkekalan hingga ke akhir hayat*

Disembahkan dengan tulus ikhlas daripada

Warga Jabatan Perdana Menteri



جایتن قدان منتری^{جایتن}
JABATAN PERDANA MENTERI
BRUNEI DARUSSALAM

الله قلهم ام لکن قعنتین دفع

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Merafak Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
D.K.M.B., D.P.K.T., P.H.B.S.

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri
Anisha Rosnah binti Adam

Sempena Istiadat Perkahwinan Diraja
Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan Sentiasa Melimpahkan rahmat Nya
dengan Ni'mat sihat wala'afiat ke atas Mempelai Diraja dan
berkekalan hingga ke akhir hayat

Disembahkan Daripada



Kementerian Pertahanan
 Negara Brunei Darussalam

اللّٰهُ قَدْرٌ مَا كُنْ فَعْلَتِينَ لِلْجَنْ

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Merafa' Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,
D.K.M.B., D.P.K.T, P.H.B.S.

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa
melimpahkan rahmat-Nya dengan ni'mat sihat wala'fiat
ke atas Mempelai Diraja dan berkehalan hingga ke akhir hayat

Disembahkan dengan tulus ikhlas daripada:



کمئٹرین کواعن دان ایکونومی^ك
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

اللهُ أَعْلَمُ
اللهُ أَعْلَمُ

ALLAH PELIHARAKAN PENGANTIN DIRAJA



*Merafa' Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis
Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri
Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni
Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
D.K.M.B., D.P.K.T., P.H.B.S.*

dengan

*Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti
Adam*

Disembahkan daripada



كمترین حال احوال لوار نخري
Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

اللهم إله العالمين فاغتنم حلحلا



Sembah Tahniah Kehadapan Majlis

دولی یغترامة مليا ڦادک سري ڦعیران مودا عبد المتن
إبن ڪباوه دولي یغتمها مليا ڦادک سري بـکندا
سلطان حاج حسن البليـقـه معـزـ الدـينـ وـالـدـوـلـةـ
دي . ڪـيـ . عـيمـ . بيـ . دـيـ . ڦـيـ . ڦـيـ . ڦـيـ . ڦـيـ .
دـغـنـ

یعائمه مليا قشیران انق اسٹری ائیشا مروسنہ بنت ادم

Dengan Iringan Doa

*Semoga Allah Melimpahkan Keberkatan Ke Atas Mempelai Diraja
Serta Dilindungi Allah Dengan Sihat ‘Afiat dan Bahagia*

*Sembah Tahniah Daripada
Warga Kementerian Hal Ehwal Ugama*



اللهُ قَدْ هَبَّا لِكَ لِيُنْهَا مِنْ حَاجَةٍ



دولی یغترامة مليا قادک سری ڤیران مودا عبد المتن

ابن سباوه دولی یغمها مليا قادک سری بکندا

سلطان حاج حسن البليقى معز الدين والدولة

دي. س. كي. عيم. بي.، دي. ڈي. ٹي. ڈي.، ڈي. ڈي. ڈي. ايس.

دغنا

یعامة مليا ڤیران انق استري آئيشا روسنه بنت ادم

Sembah Tahniah Daripada



كمترین کصیحتن
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

KELUARAN KHAS

ISTIADAT Perkahwinan Diraja

Sulaman Cinta Bertinta Emas



PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Keluaran Sabtu
20 Januari 2024
08 Rejab 1445



PADA menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, dengan ini Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara memaklumkan bahawa insyaaAllah dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan mengadakan Istiadat Perkahwinan Diraja bagi paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam.

- Pemakluman Istiadat Perkahwinan Diraja pada Sabtu, 7 Oktober 2023

Istiadat Persandingan Diraja
gilang-gemilang, tumpuan dunia



Muka III

Majlis Persantapan Diraja
penuh tradisi adat istiadat budaya



Muka IX

Istiadat Berbedak Diraja
tampil kemolekan warisan budaya



Muka XI

إِسْتِعْدَادُ لِقَوْنِزِ دَلَج

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah
dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam



Mahligai Kasih, Bukti Ikatan Cinta Pengantin Diraja



Indah berseri Mempelai Diraja,
Duduk bersanding di Indera Buana,
Tersenyum simpul manis berdua,
Bertentang mata tandanya cinta,

Pengiran Muda 'Abdul Mateen
gagah berwibawa,
Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri
Anisha Rosnah cantik mempesona,
Duduk bersanding di Balai Singgahsana Indera
Buana,
Jeling-menjeling mata tandanya cinta,

Jalinan dipadu sehati sejiwa,
Menandakan cinta kian berbunga,
Hati bersatu hidup bersama,
Bukti ikatan cinta Pengantin Diraja.

-Ak. Jefferi Pg. D

Oleh : Hajah Rosidah Haji Ismail, Ak. Jefferi Pg.
Durahman, Norliah Md. Zain, Hezlinawati Haji
Abdul Karim, Nurul Rasyidah Mohamad Rosland,
Faizahanisah Haji Mahani dan Faiz Haji Julaihi
Foto : Jabatan Penerangan



إِسْتِعْدَادُ لِلْقَوْنِزِ دَلَالُ

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam



Istiadat Persandingan Diraja Gilang-Gemilang, Tumpuan Dunia

AHAD, 2 REJAB 1445H / 14 JANUARI 2024M



MAJLIS Istiadat Perkahwinan Diraja dan seterusnya perarakan sekeliling Bandar Seri Begawan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam yang berlangsung pada Ahad, 2 Rejab 1445 bersamaan 14 Januari 2024 meraih perhatian dunia.

Majlis penuh adat istiadat anakanda keempat dan bongsu kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bonda Duli Yang Teramat Mulia, Datin Paduka Seri Hajah Mariam binti Haji Abdul Aziz tersebut setentunya menjadi ristaan sejarah dan kenangan yang amat berharga bagi kita semua yang menjadi saksi pada majlis penuh beradat warisan kita.

Biodata Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen

DULI Yang Teramat Mulia dilahirkan pada 10 Ogos 1991 di Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam merupakan anak Ke-10 dan putera Ke-4 Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan bonda Duli Yang Teramat Mulia, Datin Paduka Seri Hajah Mariam binti Haji Abdul Aziz.

Semasa kecil, Duli Yang Teramat Mulia telah menerima pendidikan rendah di Sekolah St. Andrew's di sini sebelum melanjutkan pendidikan menengah di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan dan Sekolah Antarabangsa Jerudong. Di usia 18 tahun, DYTM berjaya menamatkan kursus petaulahan sebagai Pegawai Kadet di Akademi Tentera Diraja Sandhurst, United Kingdom dengan rekod prestasi cemerlang.

Setelah menamatkan perkhidmatannya di Akademi Tentera Diraja Sandhurst, DYTM memulakan Ijazah Sarjana Muda Sastera selama tiga tahun dalam Perhubungan Antarabangsa di Kolej King London, United Kingdom. Selepas itu, DYTM menyempurnakan Ijazah Sarjana selama tiga tahun dalam Pengajian Antarabangsa dan Diplomasi di Sekolah Pengajian Oriental dan Afrika yang berprestij, London Universiti.

Selepas tamat pengajian, DYTM mengalihkan tumpuannya kepada profesi penerbangan dan memulakan latihan di Tentera Udara Diraja (RAF) Cranwell pada 2017, diikuti latihan di RAF Shawbury. Pada tahun berikutnya, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menganugerahkan DYTM Sayap Juruterbang RAF dan Sayap Juruterbang Tentera Udara, sebagai lambang status juruterbang yang berkelayakan.

Pada tahun 2019, DYTM dilantik sebagai anggota Rejimen Pasukan Khas secara rasmi, menjunjung keselamatan negara bersama pegawai berkaliber tertinggi di Negara Brunei Darussalam.

Biodata Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

YANG Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam dilahirkan pada 6 November 1994 di London dan merupakan anak kedua dari empat beradik. Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah melanjutkan pendidikan di Sekolah Antarabangsa Jerudong. Antara tahun 2013 hingga 2017, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi di University of Bath, United Kingdom dalam Pengajian Eropah dengan Bahasa Perancis dan Sepanyol seterusnya menghabiskan satu semester di luar negara di Madrid, Sepanyol, dan belajar di Universidad de Complutense. Yang Amat Mulia juga turut menamatkan penempatan kerja di Paris, Perancis dan fasih bertutur dalam Bahasa Perancis serta Sepanyol.

Istiadat Perkahwinan Diraja bermula dengan Majlis Istiadat Bersuruh Diraja yang berlangsung di Balai Persantapan, Istana Nurul Iman, Bandar Seri Begawan pada 7 Januari 2024.



Pautan Kasih Kilauan Permata Pasangan Diraja

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen nama anakanda baginda, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah pilihan hatinya, Ayahanda dan bonda bersyukur memohon doa ke hadrat-Nya, Semoga Pengantin Diraja kesayangan rakyat jelata kekal bahagia ke akhirnya.
-Ak. Jefferi Pg. D



STIADAT gilang-gemilang persandingan pasangan Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berlangsung dengan penuh adat beristiadat yang sudah setentunya melambangkan ciri kebruneian turun-temurun.

Istiadat yang menampilkan keunikan, kekayaan warisan diraja tersebut berlangsung di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada 14 Januari 2024.

Ketampanan berserta penampilan Pengantin Diraja lelaki justeru memperlihatkan kewibawaan dan kegagahan Duli Yang Teramat Mulia di samping gandingan Pengantin Diraja perempuan yang tampil anggun mempesona dengan busana yang kelihatan begitu menyerlah serta warna sedondon sekali gus menjadikan pasangan diraja ini ibarat menyatu kasih kilauan permata di mata para jemputan yang turut terpegun menatap pasangan Pengantin Diraja duduk bersanding di atas Singgahsana Indera Buana.

Pada majlis tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam menapakkan tangan anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ke atas kepala Pengantin Diraja perempuan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah sambil diiringi selawat yang dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Seiring istiadat itu, 17 das meriam turut dilepaskan dan tiga kali selawat di Majlis Istiadat Persandingan Diraja yang penuh gilang-gemilang dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned sebelum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik mengiringi kedua-dua Pengantin Diraja berangkat dari singgahsana untuk junjung ziarah.

Pasangan mempelai ini diijab kabul pada Khamis, 11 Januari lalu di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di sini.







إِسْتِعْدَادُ لِلْقَوْنِزِنَّةِ

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

Perarakan Diraja Tatapan Seantero Dunia

AHAD, 2 REJAB 1445H / 14 JANUARI 2024M

Dengan Bismillah kata dimula,
Menyambut persandingan pasangan Pengantin Diraja,
Kepada Allah rakyat meminta,
Mudah-mudahan pasangan Pengantin Diraja Selamat Sejahtera.

- Ak. Jefferi Pg. D

STIADAT Perarakan Pengantin Diraja mengelilingi Bandar Seri Begawan lebih 9.2 kilometer, merupakan acara yang ditunggu-tunggu oleh segenap lapisan rakyat jelata yang sejak awal pagi lagi berduyun-duyun membanjiri kawasan ibu negara.

Istiadat itu dimulakan sebaik sahaja Majlis Istiadat Bersanding Pengantin Diraja sempurna dilangsungkan di hadapan ribuan tetamu negara, pembesar-pembesar negara dan jemputan-jemputan khas yang berada di Balai Singgahsana Indera Buana, Istana Nurul Iman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta ahli-ahli kerabat diraja juga berangkat menyertai perarakan, menyemarakkan lagi suasana perarakan besar-besaran itu.

Menggunakan Kenderaan Khas dengan konsep terbuka, memudahkan orang ramai menatap ketampanan dan kejelitaan wajah kedua-dua Mempelai Diraja.

Gabungan Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, di samping beberapa Alat-Alat Kebesaran Diraja juga mengiringi perarakan.

Keluhuran kekayaan budaya dan Adat Istiadat Diraja Brunei ini juga dapat disaksikan di seluruh dunia dengan mendapat liputan meluas dari pengamal media tempatan dan luar negara.

Dengan wajah ceria Mempelai Diraja yang sentiasa mengukir senyuman, melambai mesra rakyat jelata setentunya meninggalkan kenangan manis sepanjang hayat bagi mereka yang hadir di sepanjang laluan perarakan.



إِسْتِعْدَادُ لِلْقَوْنِزِ دَلَالَ

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

Majlis Persantapan Diraja Penuh Tradisi Adat Istiadat Budaya

ISNIN, 4 REJAB 1445H / 15 JANUARI 2024M




إِسْتِعْدَادُ لِقَوْنِزِنَّ دَرَجٍ

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

Lafaz Ijab Kabul, Tanda Tersulam Ikatan

KHAMIS, 29 JAMADILAKHIR 1445H / BERSAMAAN 11 JANUARI 2024M



Menuju anjungan cinta-Nya di taman syurga,
Di atasnya restu-Nya tersulam ikatan bahagia,
Ku jadikan kau permata pentas
hidupku selamanya,
Pada mu yang bergelar ratu hidupku di dalam
jiwa.
- Ak. Jeffery Pg. D

"Kaola terima nikahnya Dayang Anisha Rosnah binti Adam dengan maharnya BND1,000 tunai".

DEMIKIAN lafaz kabul Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah tanda ikatan bersama Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam sebagai isteri yang sah pada Majlis Istiadat Akad Nikah Diraja yang berlangsung di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Khamis, 29 Jamadilakhir 1445 bersamaan 11 Januari 2024.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mendoakan, "Semoga Allah mengurniakan keberkatan kepada kamu berdua, semoga Allah memberkati kamu berdua dan semoga Allah menyatukan kamu berdua suami isteri dalam kebijakan".



إِسْتِعْدَادُ لِلْقَوْمِيَّةِ

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

Istiadat Berbedak Diraja Tampil Kemolekan Warisan Budaya

RABU MALAM KHAMIS, 29 JAMADILAKHIR 1445H / 10 JANUARI 2024M



Putera tampan, puteri rupawan,
Bijak bergaya penuh daya pesona,
Doa dirafakkan seiring harapan,
Menyulam kasih bahagia bersama.

LANGKAH diatur penuh sopan, senyum berseri menyerlahkan ketampanan dan keayuan Pengantin Diraja, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam ketika Majlis Istiadat Berbedak Diraja dilangsungkan. Kedua mempelai menjadi tumpuan dengan busana pengantin yang dikenakan oleh Mempelai Diraja menawan semua yang hadir. Pakaian pengantin Brunei menjadikan tarikan kerana keunikan dan ciri elegan yang dipamerkan menjadikan Pengantin Diraja menjadi sorotan utama.









إِسْتِعْدَادٌ لِّقَوْنِزِ دَلَج

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

Bersama Meraikan Kebahagiaan Pengantin Diraja



الله يلهمك قبحهين لعنة

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Merafa' Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah

D.K.M.B., D.P.K.T., P.H.B.S

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah
binti Adam

Disembahkan daripada



كمترین حال احوال دالم نخري
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

إِسْتِحْكَامُ لِلْقَوْنِيَّةِ



MERAFAK SEMBAH UCAPAN TAHNIAH KEHADAPAN MAJLIS

DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA 'ABDUL MATEEN
IBNI KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
D.K.M.B., D.P.K.T., P.H.B.S.

DENGAN

YANG AMAT MULIA PENGIRAN ANAK ISTERI ANISHA ROSNAH BINTI ADAM

“Semoga Allah SWT akan sentiasa melimpahkan rahmat-Nya
dengan nikmat sihat walafiat
ke atas Mempelai Diraja dan berkekalan hingga ke akhir hayat”

Disembahkan daripada:



كمتنرين سومبر ۲ اوتمان دان ڨلنچوغۇن
MINISTRY OF PRIMARY RESOURCES AND TOURISM
BRUNEI DARUSSALAM



www.mprt.gov.bn



mprt_brunei

اللّٰهُ قَدْ شَاءَ لَكُنْ فَعِنْتَيْنِ لَمْ يَجِدْ

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Merafa' Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis

*Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
DKMB, DPKT, PHBS.*

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

*"Semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melimpahkan rahmat-Nya
dengan nikmat sihat wal'afiat ke atas Mempelai Diraja dan semoga berkekalan
hingga akhir hayat"*

Disembahkan daripada:



كمترین ڨماڠونن

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



www.mod.gov.bn

#MODBrunei

#BersediaBerkhidmat

MOD KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

الله فليهم أمانٌ فعُنتين لِلْجَنَاحِ

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



دولی یغیر ام ملیا فادک سری گیشان مودا عبد المتن
ابن کباوه دولی یغمها ملیا فادک سری بکندا
سلطان حاج حسن البقیه معز الدین والدولة
دی. گی. عیم. بی، دی. یٹ. گی. تی، یٹ. بیچ. بی. بیس.
دُخْنَ

یعَامَة ملِيَا گیشان انق اسْتَرِی آنیشا روسنه بنت ادم



Merafak Sembah Ulcapan Tahniah Kehadapan Majlis

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
D.K.M.B., D.P.K.T., P.H.B.S.

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

"SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA AKAN SENTIASA
MELIMPAHKAN RAHMAT-NYA DENGAN NIKMAT SIHAT WALAFIAT KE ATAS
MEMPELAI DIRAJA DAN BERKEKALAN HINGGA KE AKHIR HAYAT"

Disembahkan Dengan Tulus Ikhlas Daripada
Warga Kementerian Pendidikan



الله فلیه رکن فتحتین راجح

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



Merafa' Sembah Ucapan Tahniah Kehadapan Majlis

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen
ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,

D.K.M.B., D.P.K.T, P.H.B.S.

dengan

Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam

Disembahkan dengan tulus ikhlas daripada



کنترن فقتكون دان اينفوكومنيكاسي
MTIC MINISTRY OF
TRANSPORT AND
INFOCOMMUNICATIONS

الله قلهم امّاكن قلعتين حاج

Allah Peliharakan Pengantin Diraja



مرفعکن سبیه اوچن تهنیئه کهادفن مجلس

دولی يقتسرا ملیا ڤادک سری ڤغیران مودا عبد المتن

ابن ڪباوه دولی یعهمها ملیا ڤادک سری ٻڪندا

سلطان حاج حسن البلقیه معز الدین والدولة

دی. ڪی. عیم. بی.، دی. ڦی. ڪی. ٽی.، ڦی. ڀی. ایس.

دغۇن

يغاٰمة ملیا ڤغیران انق استري آنيشا مروسنه بنت ادم

سموک الله سبحانه وتعالى اکن سنتیاس مليمقوهکن رحمت دغۇن نعمت صیحت
والعاویة کاتس مقلای دراج دان سموک برککلن ھیئڭ اخیر حیات

دسمېپکن دغۇن تولویں اخلاص درقد ورک

کمنترین گبودایان، بليا دان سوکن



کمترین گبودایان بليا دان سوکن
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PUISI

Perkahwinan Diraja ristaan sepanjang masa

Alhamdulillah pembuka kata
Mendengar khabar yang amat bermakna
Seluruh rakyat jelata bersuka ria
Mendengar berita Perkahwinan Diraja

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen nama anakanda baginda raja
Yang Mulia Dayang Anisha Rosnah bakal suri di hatinya
14 Januari 2024 hari penuh bermakna
Apabila mempelai Pengantin Diraja bersatu hati bersatu jiwa

Rakyat jelata semuanya berasa teruja
Sampai tersebar ke pelosok negara
Menantikan hari persandingan Pengantin Diraja
Seawal pagi berduyun-duyun membanjiri ibu kota
Bakal menyaksikan perarakan Pengantin Diraja

Bagaikan emas dengan permata
Pengantin Diraja diarak keliling kota
Gagah perkasa penuh berwibawa
Cantik jelita sungguh mempesona

Melambaikan tangan penuh gembira
Seluruh rakyat jelata merasa bahagia
Ke hadrat Allah seluruh rakyat berdoa
Semoga Pengantin Diraja kekal ke akhirnya

Dur'Anun
2 Januari 2024.

DARI MAHKAMAH

Dihukum denda, penjara akibat miliki rokok

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

TUTONG, Rabu, 17 Januari. - Mahkamah Majistret hari ini, menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND5,000 atau lima bulan pemerlanaan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warganegara Indonesia.

Majistret Fatin Fikriyah binti Haji Rosli, memutuskan hukuman terabit selepas Yuki bin Erdi, 21 tahun, mengaku bersalah atas satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, defendant didakwa atas kesalahan kerana memiliki enam paket dan 14 batang rokok pelbagai jenis tanpa permit dan kebenaran yang sah yang ditemui di rumah kawasan Kampung Padhunok, Jalan Lamunin, Tutong.

Sementara, semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

Pegawai Penguatkuasaan Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (Cawangan Kuala Belait) menjalankan tangkapan terhadap ke atas defendant pada 15 Januari 2024, jam 11.05 malam.

WASPADA CUACA TIDAK MENENTU

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



ORANG ramai adalah dinasihatkan supaya terus berwaspada, terutamanya semasa keadaan cuaca hujan lebat, angin kencang dan banjir kilat dan sentiasa peka akan keadaan cuaca terkini yang boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi 'Brunei WX' (atas, bawah dan bawah sekali).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 17 Januari. - Sejak beberapa minggu kebelakangan ini, negara mengalami keadaan cuaca tidak menentu yang mengakibatkan beberapa kawasan dilanda bencana alam, seperti angin kencang dan banjir kilat.

Sebagai langkah berjaga-jaga dan keselamatan, orang ramai, pengguna jalan raya juga para pelaut adalah dinasihatkan supaya terus berwaspada, terutamanya semasa keadaan cuaca hujan lebat, angin kencang dan keadaan ombak bergelora.

Orang ramai turut disaran untuk tidak melakukan aktiviti-aktiviti di air atau pantai, di samping tidak meletakkan kenderaan di kawasan berdekatan dengan kawasan yang berisiko, seperti di bawah pokok,

tiang elektrik atau mana-mana objek yang tinggi.

Selain itu, pastikan anak-anak tidak bermain di luar kawasan rumah, terutama sekali kawasan yang terjejas teruk oleh banjir dan sentiasa mengetahui keadaan cuaca dari semasa ke semasa.

Di samping itu, pastikan juga semua suis dipadamkan dan cabut plag barang elektronik di rumah ketika hujan lebat diiringi petir dan dalam situasi lebih teruk seperti dilanda banjir, semua peralatan perlu dipadamkan, termasuk peti sejuk.

Pastikan barang elektrik dan barang penting lain diletak di aras yang lebih tinggi supaya tidak dibawa arus air sekiranya berlaku banjir.

Apabila berdepan dengan situasi



buruk, terutamanya apabila hujan lebat membawa ancaman, setiap isi rumah perlu menyediakan barang keperluan, seperti kit pertolongan cemas, lampu suluhan yang dilengkapi bateri, ubat-ubatan, selain bekalan makanan dan air bersih.

Pastikan juga untuk mempelbagaikan stok makanan di kediaman, terutamanya daripada kategori makanan yang tidak perlu dimasak kerana ia berguna sekiranya hujan lebat biasa bertukar menjadi tragedi yang lebih buruk hingga membawa kepada status darurat.

Jangan sesekali memandu kenderaan mengharungi air banjir kerana ia boleh membahayakan nyawa dan merosakkan kenderaan. Jika kenderaan terperangkap di dalam air banjir, segera keluar dan tinggalkan kenderaan sebelum paras air naik ke paras yang lebih tinggi.

Selain itu, jangan sesekali cuba merentasi ribut atau air banjir kerana kadar penglihatan pada ketika itu sangat rendah dan mungkin boleh tergelincir atau tergugur ke dalam parit, longkang, lubang dan sebagainya. Kenal pasti kawasan yang lebih tinggi di persekitaran dan ketahui laluan pantas untuk keluar dari kawasan yang ditenggelami banjir.

Hujan lebat tidak bermakna kita harus menghentikan urusan harian kita kerana kita masih lagi harus keluar dan pergi bekerja.

Sebaik-baiknya, rancang perjalanan tersebut dengan mengambil kira faktor cuaca, mengenal pasti laluan perjalanan yang berisiko (mungkin ditenggelami banjir) dan masa yang diperlukan untuk sampai ke destinasi tersebut.

Bagi yang menaiki motosikal, elakkan berhenti dan berteduh di bawah jejabat dengan meninggalkan motosikal di jaluan kiri jalan raya sehingga mengganggu kelancaran trafik. Pilih tempat hentian lebih selamat, termasuk yang disediakan khas di bahu jalan, yang berjarak selamat.

Orang ramai, para pemandu di jalan raya dan juga para pelaut dinasihatkan supaya sentiasa peka dengan ramalan, nasihat dan amaran cuaca terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam dan membuat perancangan yang bersesuaian untuk keselamatan semua.

Dalam pada itu, bagi memastikan kita peka akan keadaan cuaca terkini, pastikan untuk sentiasa mendengar siaran radio, televisyen atau media sosial untuk amaran angin kencang dan laut bergelora.

Maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini boleh diterima dengan lebih mudah melalui aplikasi 'Brunei WX', di mana maklumat, nasihat dan amaran cuaca dapat diterima terus sebaik sahaja nasihat atau amaran terkini dikeluarkan.

Selain itu, maklumat cuaca terkini juga boleh diperoleh dengan menghubungi peramal cuaca yang bertugas di Pusat Ramalan Cuaca, melalui Talian Cuaca 114, atau melayari laman sesawang www.met.gov.bn atau melalui laman Facebook @bruneiweather dan Instagram @bruneiweather.

Bagi bantuan kecemasan, orang ramai boleh menghubungi Talian Helpline 123 atau Talian Kecemasan Jabatan Bomba dan Penyelamat 995.

سورو هنجاي فر خدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

**IKLAN JAWATAN KOSONG
PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT
KFI AYAKAN SERTA HUARA TUGAS DAN TANGGUNG JAWAR ROI FH DIU AYARI
DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.
2. Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan skim ikian akan ditolak.

1 Lengkap Profil PSGR 2.0
2 Lengkap Kelulusan
3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap
4 Jandiksa "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerapatan"
5 Lengkap Maklumat

+673 737196 | PSC.BN | query@psc.gov.bn | psc.bn

Jawatan, Tanda Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. PEMERIKSA TERNAKAN D.1-2 EB.3 (BAHAGIAN IV) 2024/JAN/10	JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	03	7(A)	27 JANUARI 2024

PERINGATAN:
 1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSGR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
 2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERJA HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIILAHU DI BAHAN ITINERATUR YA/SA/AJA.
 3. PANDUAN PGCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEH DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



UNISSA / SB0063 / 2023 / 2024 -

Membekal Perkhidmatan
Buruh Bagi
Kampus Sinaut Tutong Universiti
Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Selama Satu (1) Tahun

UNISSA / SB0064 / 2023 / 2024 -

Membekal Perkhidmatan
Buruh Bagi
Kampus Gadong Universiti Islam
Sultan Sharif Ali (UNISSA)
Selama Satu (1) Tahun

UNISSA / SB0065 / 2023 / 2024 -

Membekal Perkhidmatan
Pemeliharaan Memotong
Rumput Bagi
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) Kampus Sinaut Tutong
Selama Satu (1) Tahun

UNISSA / SB0066 / 2023 / 2024 -

Membekal Perkhidmatan
Pemeliharaan Memotong
Rumput Bagi
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA) Kampus Gadong
Selama Satu (1) Tahun

UNISSA / SB0067 / 2023 / 2024 -

To Supply And Delivery
Toner Printers For
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

UNISSA / SB0068 / 2023 / 2024 -

Membekal Dan Menghantar
Mesin Pertanian Bagi
Kegunaan Penyelidikan UNISSA –
Organic Approach For
Restoring Phosphorus
Availability To Improve Acid Soil



And Crop Productivity In Brunei
Darussalam

UNISSA / SB0069 / 2023 / 2024 -

Supply, Delivery, And Installation
Of Equipment For
Ibnu Sina Scientific
Laboratory Centre,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

UNISSA / SB0070 / 2023 / 2024 -

Supply And Delivery
Of Reagents For
Ibnu Sina Scientific
Laboratory Centre,
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

UNISSA / SB0071 / 2023 / 2024 -

To Supply, Delivery, Warranty,
Testing & Commissioning
Of 75-Inch
UHD Smart TV With Custom
Installation Package Of
Mounting Bracket, Cables &
Accessories For

Universiti Islam Sultan Sharif Ali
(UNISSA)

Bayaran Yuran Tawaran :

BND10.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :

Rabu, 31 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang



**Sebut Harga Rancangan
Pemakanan Sekolah**

Bilangan Sebut Harga :
DA / JKSH / 169 / 2023 / 2024
[BPPA-JAN-2024]

Keterangan :
Sebut Harga Membekal Dan
Menghantar

Keperluan Rancangan Pemakanan
Sekolah Bahagian Asrama
Makan Bagi :

1. Sekolah Rendah DMS
Dian Sukang
2. Sekolah Rendah Melilas
Kementerian Pendidikan,
Daerah Belait,
Bagi Tempoh Tiga (3) Bulan
KOD BLOK : AM/01

Bayaran Yuran/ Dokumen

Sebut Harga :

BND5.00
[Bayaran Yuran / Dokumen
Sebut harga tidak dikembalikan]

Tarikh Tutup dan Waktu :

27 Januari 2024
(Tidak lewat jam 9.00 Pagi)



Bilangan Sebut Harga:
(01) HK 2024 KKBS / PTD /
1.1 / 76 PT:46

Tajuk Sebut Harga:

MENCETAK SERTA
MENGGANTI LOGO
DAN NAMA-NAMA PASUKAN
PERBARISAN SEMPENA
PERHIMPUNAN AGONG
SAMBUTAN ULANG TAHUN
HARI KEBANGSAAN NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM
KE-40, TAHUN 2024

Tarikh Tutup :

Khamis, 25 Januari 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



**KEMENTERIAN SUMBER-
SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**Jabatan Kemajuan
Pelancongan
Kementerian Sumber-
Sumber Utama dan
Pelancongan**

1. Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023 – 2024 / 41

Tajuk Tawaran :
“Supply Of Digital Standing
Screens”

2. Bilangan Tawaran :
JKP / SH / 2023 – 2024 / 42

Tajuk Tawaran :
“Supply Of Projectors
And Content Creation
For Project Mapping”

3. Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023 – 2024 / 43

Tajuk Tawaran:
“Provision Of Influencer
Marketing Services
For KNK Campaign 2024”

4. Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023 – 2024 / 44

Tajuk Tawaran:



“Provision Of Familiarization Trip
Services For Social
Media Influencers From Australia”

5 Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023 – 2024 / 45

Tajuk Tawaran:
“Provision Of Familiarization
Trip Services
For Social Media Influencers
From Singapore
For Ramadhan Campaign 2024”

6. Bilangan Tawaran:
JKP / SH / 2023 – 2024 / 46

Tajuk Tawaran:
“Provision Of Familiarization
Trip Services
For Social Media Influencers
From Singapore
For Adventure Campaign 2024”

Tarikh Tutup Tawaran:
Khamis, 25 Januari 2024,
Jam 2.00 Petang



**Unit Teknologi Maklumat,
Divisyen Pengurusan Korporat
Kementerian Pembangunan**

Notis Sebut Harga

1. Bil. Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2023 / Q27
INVITATION TO SUPPLY
AND DELIVERY OF WARRANTY
EXTENSION
FOR DELL SERVER,
MINISTRY OF DEVELOPMENT

2. Bil. Sebut Harga :
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2023 / Q28
INVITATION TO SUPPLY
FLOWAVE LICENSE COVER
SOFTWARE ASSURANCE
FOR 1 YEAR (01/05/2024)
MINISTRY OF DEVELOPMENT

3. Bil. Sebut Harga :

KPN / IT / 002 / 02.7 / 2023 / Q29
INVITATION TO ENHANCE
MOD PORTAL (PRUMAHAN
NEGARA) FOR
MINISTRY OF DEVELOPMENT

**Bayaran Bagi Setiap
E-Dokumen Sebut harga :**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Buka :
 Isnin, 22 Januari 2024.

**Tarikh Akhir Pembelian dan
Pembayaran :**
Khamis, 1 Februari 2024

Tarikh Tutup :
 Isnin, 5 Februari 2024.
 Jam: Sebelum 9.00 Pagi.



Bilangan Sebut Harga:
(03) HK 2024 KKBS / PTD / 1.1 /
76 PT:46

Tajuk Sebut Harga:
PENCETAKAN BUKU
SURAH YAASIN BAGI
MAJLIS SEMBATHANG FARDU
MAGHRIB DAN
ISYAK BERJEMAAH,
MEMBACA SURAH YAASIN
DAN DOA KESYUKURAN
SEMPENA SAMBUTAN ULANG
TAHUN HARI KEBANGSAAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
KE-40, TAHUN 2024



Tarikh Tutup :
Khamis, 25 Januari 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Di Dalam Mahkamah Tinggi
Negara Brunei Darussalam Di
Bandar Seri Begawan

Kes No.
BCY / CP / 346 / 2014

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemutang / Pemetisyen

AHMAD ARIF
BIN MOHD AL-MASS
(I/C: 01-076216 - Kuning)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 16 Disember 2023.

Nama dan Alamat Bankrap:
Ahmad Arif bin Mohd Al-mass
No. 4, Spg 41, Jln Keruak,
RPN Panaga, Kuala Belait,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
6 November 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
21 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 353 / 2005

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang / Pemetisyen

Jamaliah binti Haji Omar
(Kad Pengenalan Brunei :
00-073785 - Kuning)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 30 November 2023.

Nama Dan Alamat Bankrap:
Jamaliah binti Haji Omar
No. 48, Lot 5528, Jln 35,
Perumahan Rimba Gadong,
BE3319,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
19 Oktober 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai

Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 121 / 2011

Baiduri Finance Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Norfizalayati binti Abdullah
(Kad Pengenalan Brunei :
00-298344 - Kuning)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 November 2023.

**Nama Dan Alamat Terakhir
Diketahui:**

Norfizalayati binti Abdullah
No. 4, Simpang 637-20-13,
STKRJ Lambak Kiri, BB1114,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
10 Ogos 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 681 / 2015

BIBD At-Tamwil Berhad
- Pemutang / Pemetisyen

MOHAMAD IBRAHIM
BIN MOHAMED
(I/C: 00-293379 - Kuning)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 23 November 2023.

Nama Dan Alamat Bankrap:
Mohamad Ibrahim bin Mohamed
No. 19, Spg 62-19,
Jln Binglu Tengah,
RPN Kampung Tanah Jambu,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
18 September 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai

IKLAN

HARI SABTU 20 JANUARI 2024 25

Dyg Nosra binti Abai

Alamat Penghutang :

No. 340-17,
Kampung Buang Bulan,
Jln Batang Duri,
Temburong, PA2951,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
16 Disember 2023

Kebankrapan No.

BCY / CP / 475 / 2010

Baiduri Finance Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Suriani binti Haji Muin
BYIC No. 00-254498
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 03 Mac 2011 telah dibatalkan pada 30 November 2023 :

Nama Penghutang :
Suriani binti Haji Muin

Alamat Penghutang :
No. 30, Block D23, Simpang 172,
Jalan Sungai Bakong Selatan,
RPN Lumut, KC5335,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
4 Disember 2023

Kebankrapan No.

BCY / CP / 623 / 2010

Baiduri Finance Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Mussidi bin Apol @ Hapol
BYIC No. 00-69242 /
RBAF NO. 6354
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 05 Mac 2011 telah dibatalkan pada 05 Mac 2011 :

Nama Penghutang :
Mussidi bin Apol @ Hapol

Alamat Penghutang :
Lot 13567, Simpang 2072, No. 8,
Kampung Bukit, Tutong, TF3147
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
4 Disember 2023

Kes No.

BCY / CP / 98 / 2023

Baiduri Bank Sendirian Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Syed Haji Hashim
bin Malai haji Othman
(BYIC No. 00-028300)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penerimaan

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 18 November 2023.

>> Muka 26

boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 20 / 2017

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang / Pemetisyen

HAIDI BIN HJ PANJANG
(I/C: 00-293379 - Kuning)
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 09 Disember 2023.

Nama Dan Alamat Bankrap:
Haidi bin Hj Panjang
No. 10-151, Kg Lugu,
Jln Tutong, KM21,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
18 Oktober 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
16 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 586 / 2017

BANK ISLAM BRUNEI
DARUSSALAM BERHAD
- Pemutang / Pemetisyen

MOHAMAD SHAMSUL
BIN AWANG DOMING
(I/C: 01-040983 - Kuning)
- Penghutang / Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 25 November 2023.

Nama Dan Alamat Bankrap:
Mohamad Shamsul
bin Awang Doming
No. 5, Spg 54,
Jln Kemangsi Selatan,
RPN Kg Meragang, BT2728,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan :
4 Oktober 2023

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang

boleh diperoleh di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
4 Disember 2023

Kebankrapan No.
BCY / CP / 303 / 2011

Baiduri Finance Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Haji Ramlee bin Haji Mohd Said
BYIC No. 00-073698
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Perintah Penghukuman

Sila ambil perhatian bahawa :

a. Satu Perintah Penghukuman yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 03 Mac 2011 telah dibatalkan pada 30 November 2023 :

Nama Penghutang :
Haji Ramlee bin Haji Mohd Said

Alamat Penghutang :
No. 581, Kg Batong,
Jln Batong / Panchor Murai,
BH2923,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
21 Disember 2023

Kebankrapan No.
BCY / CP / 371 / 2014

Baiduri Finance Berhad
- Pemutang Penghakiman /
Pemetisyen

Kilat anak Suring
BPIC No. 30-103595
- Penghutang Penghakiman /
Penentang

Notis Pembatalan

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 05 Disember 2015 telah dibatalkan pada 23 Disember 2023 :

Nama Penghutang :
Kilat anak Suring

Alamat Penghutang :
No. 7-234, Kg Simbatang,
Jln Temada, Temburong,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh :
26 Disember 2023

Kebankrapan No.
BCY / CP / 360 / 2006

National Insurance Company<br

IKLAN

>> Muka 25

Nama dan alamat terakhir diketahui :
Syed Haji Hashim bin Malai Haji Othman No.30, Spg 140-13, Jalan Madang, Berakas, BC3715, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
19 Ogos 2023

b. Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c. Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai penerima Rasmi, Tingkat Satu, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh :
11 Disember 2023

Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 November 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 03 Januari 2024, jam 09.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 03 Januari 2024, jam 09.30 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
11 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 146 / 2023

Baiduri Bank Sendirian Berhad - Pemutang Penghakiman / Pemeliharaan

Firdaud bin Nawi (BYIC No. 00-290320 / RBAF No. 15361) - Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan**Sila ambil perhatian bahawa :**

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 18 November 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Firdaud bin Nawi No.4, Spg 93-16-5, RPN Kampung Pandan, Kuala Belait, KA3131, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
22 Ogos 2023

b. Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c. Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai penerima Rasmi, Tingkat Satu, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh :
11 Disember 2023

Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 November 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 3 Januari 2024, jam 09.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 3 Januari 2024, jam 9.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
11 Disember 2023

Kes No.
BCY / CP / 146 / 2023

Notis Mengenai Pembayaran Komposisi Terakhir

Kes No.
BCY / CP / 422 / 2012

Nama Penghutang - Jasdi bin Haji

Gafar @ Haji Abd Ghafar (BYIC No.: 00-126187). Alamat - No.21, Spg. 14-5, Jalan 99, Perumahan Kampong Rimba Gadong, Negara Brunei Darussalam. Mahkamah - Mahkamah Besar, Negara Brunei Darussalam. Nombor - Kebankrapan No. 422 Tahun 2012. Banyaknya bagi tiap-tiap satu ringgit - 100%. Pertama atau terakhir selainnya - Terakhir Bila Kena Dibayar - 9 November 2023. Di mana Kena Bayar - Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 2, Mahkamah Besar, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh :
13 November 2023

Kes No.
BCY / CP / 114 / 2023

Baiduri Finance Berhad - Pemutang Penghakiman / Pemeliharaan

Muhammad Safwan bin Haji Mazlan (BYIC No. 01-031426) - Penghutang Penghakiman / Penentang

Notis Perintah Penerimaan**Sila ambil perhatian bahawa :**

a. Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 21 Disember 2023.

Nama dan alamat terakhir diketahui :

Muhammad Safwan bin Haji Mazlan No.24, Spg. 1411, Jalan Sungai Tampoi, Kg Sengkurong, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen :
27 September 2023

b. Semua sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang bukti hutang yang boleh diperoleh di Pejabat pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c. Semua hutang yang seharusnya dibayar kepada penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai penerima Rasmi, Tingkat Satu, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh :
3 Januari 2024

Notis Kepada Pemutang Untuk Perjumpaan Pertama

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 21 Disember 2023.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan pemutang-pemutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 21 Mac 2024, jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi di sana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak

lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan di perjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan.

Pemeriksaan awam bagi Penghutang adalah ditetapkan pada 21 Mac 2024, jam 10.00 Pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak pemutang yang

telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegalannya.

Bertarikh :
3 Januari 2024

Muhd Muzakkir bin Haji Zakaria Timbalan Pegawai Penerima Rasmi B/P Penerima Rasmi Mahkamah Besar



Bilangan Tawaran:
 PPN / ASSET / BUU / QTN / 2024 / 1 / 3

Tajuk Tawaran :
 Renovation Including Supply And Installation Of Furnishes And Fixtures For Male And Female Surau, Second Floor, Law Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

Bayaran Yuran Tawaran :
 BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
 Selasa 23 Januari 2024 Jam 2.00 Petang



Bilangan Tawaran:
 PPN / ASSET / BUU / CONTRACT / 2024 / 1 / 1

Tajuk Tawaran :
 Term Contract (12) Months For Landscaping Works At The Law Building And Law And Court Building, Attorney General's Chambers, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan

Bayaran Yuran Tawaran :
 BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
 Selasa 30 Januari 2024 Jam 2.00 Petang

**1. UNISSA / SB0061 / 2023 / 2024**

One (1) Year Term Contract For Electrical Maintenance Works For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Gadong [Class : I & II]

[Category: E01 & E02 Only With Valid Registered Company And Workers Registration With MOD And DES]

2. UNISSA / SB0062 / 2023 / 2024


One (1) Year Term Contract For Electrical Maintenance Works For Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Campus Sinaut Tutong



[Class : I & II]
 [Category : E01 & E02 Only With Valid Registered Company And Workers Registration With MOD And DES]

Bayaran Yuran Tawaran :
 BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran :
 Rabu, 31 Januari 2024, Jam 2.00 Petang





TAWARAN RANCANGAN PEMAKANAN SEKOLAH ARAB DAN ASRAMA BAHAGIAN PENYAJIAN MAKANAN DAN MINUMAN SECARA BERHIDANG DAN BERTAPAU BAGI TEMPOH DUA (02) TAHUN JABATAN PENGAJIAN ISLAM, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Bilangan Tawaran :
KHEU / JPI / PMM / SA BELAIT / 08

Keterangan:
Sekolah Arab Belait, Daerah Belait



Bayaran Dokumen :
BND30.00
(Bayaran Dokumen tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Borang Tawaran :
Isnin, 17 Rejab 1445H / 29 Januari 2024M

Tarikh Akhir Menghantar :
Selasa, 18 Rejab 1445H / 30 Januari 2024M sebelum jam 2.00 Petang



MAKLUMAN PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI

Tawaran dibuka kepada Pemborong-Pemborong yang berdaftar bagi mengikuti Tawaran Projek Kerajaan Negara Brunei Darussalam di dalam kelas III, IV

& V serta mempunyai kategori kerja dalam perkhidmatan dan kepakaran dalam Operasi dan Pemeliharaan Sistem Hawa Dingin.

Bilangan Tawaran :
MFA / ICC / ACSM / 01 / 2024

Tajuk Tawaran:
TERM CONTRACT FOR OPERATION AND MAINTENANCE WORKS FOR AIR-CONDITIONING SYSTEM AT INTERNATIONAL CONVENTION CENTRE, MINISTRY OF FOREIGN AFFAIRS FOR A PERIOD OF TWO (2) YEARS – FSOR

Kategori:
M01, M03, E01



Bayaran Tawaran:
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 27 Februari 2024
Jam 2.00 Petang



Bil. Sebut Harga :
KHEU / BPPSM / PP / C / 02 (STK)
2024 - 01

Sebut Harga Membekal Jamuan Makanan & Minuman Bagi Majlis-Majlis, Aktiviti dan Kursus Bahagian Perancangan dan Pembangunan Sumber Manusia, Jabatan Pentadbiran Bermula



1 April 2024 Hingga 31 Mac 2025
(Selama 1 Tahun).

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu, 7 Februari 2024
Jam 2.00 Petang



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
Pembekal-Pembekal Yang Diluluskan Sahaja

Kategori :
P02

1. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 001 / 2024

Nama Projek :
Kerja-Kerja Pembaikan Luaran Tangki SUMP dan Rumah PAM Bagi Stesen Pengepam Air

Rancangan Perumahan Negara Kg. Lugu

2. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 002 / 2024

Nama Projek :

Membekal dan menghantar 1,000 Ton Metrik Aluminium Sulphate Ke Stor Kimia Sinarubai dan Loji-Loji Rawatan Air, Negara Brunei Darussalam - Januari 2024 (Bahagian 1)

3. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 003 / 2024

Nama Projek :

Membekal dan menghantar 1,000 Ton Metrik Aluminium Sulphate Ke Stor Kimia Sinarubai dan Loji-Loji Rawatan Air, Negara Brunei Darussalam - Januari 2024 (Bahagian 2)

4. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 004 / 2024

Nama Projek :

Membekal dan menghantar 1,000 Ton Metrik Aluminium Sulphate Ke Stor Kimia Sinarubai dan Loji-Loji Rawatan Air, Negara Brunei Darussalam - Januari 2024 (Bahagian 3)

5. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 005 / 2024

Nama Projek :

Membekal dan menghantar 1,000 Ton Metrik Aluminium Sulphate Ke Stor Kimia Sinarubai dan Loji-Loji Rawatan Air, Negara Brunei Darussalam - Januari 2024 (Bahagian 4)



Loji Rawatan Air, Negara Brunei Darussalam - Januari 2024 (Bahagian 4)

6. Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 006 / 2024

Nama Projek :
Membekal dan menghantar 1,000 Ton Metrik Aluminium Sulphate Ke Stor Kimia Sinarubai dan Loji-Loji Rawatan Air, Negara Brunei Darussalam - Januari 2024 (Bahagian 5)

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
23 Januari 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
6 Februari 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV, V & VI

Kategori :
KA01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
23 Januari 2024.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,



6 Februari 2024.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran :
JKR / DTS / 01 / CQS / 2024 – TV(SP)

Nama Projek :
Kerja-Kerja Membaik Pulih Tanah Susur Di Bukit Kayangan

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL REKRUT LELAKI PENGAMBILAN KE-175 DAN PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL REKRUT WANITA PENGAMBILAN KE-59 ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

22 Januari 2024 hingga 01 Februari 2024
(kecuali Hari Jumaat, Sabtu, Ahad & Hari Kelepasan Awam)

0830 pagi hingga 1100 pagi
1430 petang hingga 1600 petang

18 tahun dan tidak melebihi 25 tahun (0 bulan 0 hari)
sebelum latihan bermula pada 02 September 2024

Pejabat Pengambilan, Jabatanarah Keanggotaan,
Bolkiah Garison ditalian 2386898

Pintu Utama Pusat Boling Padang,
Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah
secara penuh lalu



Pejabat Pengambilan, Jabatanarah Keanggotaan,
Bolkiah Garison ditalian 2386898



Unit Perhubungan Awam
Kementerian Pertahanan



www.mindf.gov.bn



@Mindefbrunei

OPERASI KABAT : 6 WARGA ASING DITAHAN

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 18 Januari. - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) telah melaksanakan dua operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024 yang menyasarkan kepada beberapa lokasi di Negara Brunei Darussalam.

Operasi Kabat 08 / 2024 telah pun dilaksanakan oleh Bahagian Pengukuhan Undang-undang, Bandar Seri Begawan (BSB). Manakala Operasi Kabat 09 / 2024 pula dijalankan oleh Bahagian Pengukuhan Undang-undang, Cawangan Kuala

Belait (KB).

Operasi Kabat 08 / 2024 menyasarkan di sebuah syarikat di Mukim Serasa. Hasil pemeriksaan telah didapati seorang warga asing telah ditahan dan dibawa ke Bahagian Pengukuhan Undang-undang bagi siasatan lanjut atas kesalahan gagal menunjukkan sebarang dokumen yang sah. Sementara itu, Operasi Kabat 09 / 2024 telah menyasarkan di sebuah bangunan yang melaksanakan projek mengecat bangunan di KB.

Hasil pemeriksaan tersebut telah menahan lima warga asing dan

dibawa ke Bahagian Pengukuhan Undang-undang bagi siasatan lanjut. Seorang warga asing dipercayai melakukan kesalahan Bab 15 (1) Akta Imigresen Penggal 17 iaitu tinggal lebih masa setelah Pas Imigresen mansuh.

Manakala tiga warga asing ditahan kerana melanggar Bab 55 (4)(a)(b)(c) Akta Imigresen Penggal 17 iaitu gagal mengemukakan sebarang dokumen perjalanan yang sah.

JIPK mengalu-alukan orang ramai bagi sama-sama memberikan maklumat berhubung dengan pesalah imigresen dengan menghubungi ke talian Hotline JIPK menerusi talian +673 8734888 / +673 8753888 (BSB) / +673 8984111 (KB).



JABATAN Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) melaksanakan operasi penguat kuasa undang-undang di bawah Operasi Kabat JIPK 2024.

16 kotak daging mentah tanpa permit dirampas

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TEMBURONG, Khamis, 18 Januari. - Pasukan Polis Simpanan 'C' Kompeni (Polis Hutan) menjalankan

satu operasi pencegahan jenayah rentas sempadan hutan di kawasan perhutanan Daerah Temburong



PASUKAN Polis Hutan berjaya menahan seorang suspek perempuan warganegara tempatan bersama 16 kotak daging mentah yang tidak diisyiharkan.

Awas! Jalan Licin Dihadapan

Keselamatan Jalan Raya bergantung kepada ANDA dan SAYA

Always Wear a seatbelt
No mobile phones while driving
Speeding is dangerous
Do not drive under influence
Wear helmets and proper attire while riding
Always watch out for other road users
Always check tyres

www.mkkjr.gov.bn

Bantu kesan Aleyafazriana

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

TUTONG, Khamis, 18 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) dalam kenyataan yang dikeluarkan, hari ini, memohon kerjasama orang ramai untuk mengesan seorang perempuan yang telah keluar rumah.

Menurut kenyataan berkennaan, perempuan tersebut ialah Aleyafazriana binti Md. Azman, 16 tahun yang memegang Nombor Kad Pengenalan : 01-155750 (Kuning).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, sila hubungi ke Balai Polis Tutong menerusi talian +673 4221206 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau di mana-mana balai polis berdekatan.



ALEYAFAZRIANA binti Md. Azman, 16 tahun yang memegang Nombor Kad Pengenalan : 01-155750 (Kuning).

lain tidak akan ragu-ragu dalam menjalankan amanah dan tugas dalam menegakkan undang-undang negara, dan akan sentiasa komited dalam usaha

untuk membanteras sebarang kegiatan-kegiatan jenayah yang berlaku di kawasan-kawasan sempadan Negara Brunei Darussalam.

MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- ‘Kesihatan Suatu Anugerah, Syukuri Nikmat Diberikan’. Tarikh Tutup : 24 Januari 2024
- ‘Jangan Leka Dengan Jenayah Penipuan Kewangan’. Tarikh Tutup : 31 Januari 2024
- ‘Mengukuhkan Semangat Patriotisme’. Tarikh Tutup : 7 Februari 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langka dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam. atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



BANDARAYA GAZA (Palestine), 18 Jan. - Semenanjung Gaza kini sedang bergelut dengan penularan wabak Hepatitis A akibat kesesakan di pusat perlindungan di wilayah itu, Agensi Anadol (AA) memetik Kementerian Kesihatan pada Rabu. Kementerian itu mengeluarkan amaran berhubung potensi penggantungan ujian darah lengkap (CBC) pada bila-bila masa,

HEPATITIS A MEREBAK DI PUSAT PERLINDUNGAN PENUH SESAK DI GAZA

merujuk kepada kekurangan bahan yang diperlukan untuk tujuan itu. Bagaimanapun, butiran khusus mengenai kekurangan itu tidak disediakan.

Keadaan mencabar yang dihadapi oleh penduduk Gaza yang diusir itu diburukkan lagi dengan kekurangan tandas dan kemudahan sanitasi, menyumbang kepada pengumpulan sisa buangan berhampiran khemah yang baru didirikan.

Tidak cukup dengan itu,

penduduk di pusat perlindungan turut mengalami masalah kekurangan air dengan kebanyakan individu bergelut untuk melindungi diri mereka daripada akibat pencemaran dan kebersihan yang tidak mencukupi.

Hepatitis A, virus yang disebarluaskan melalui makanan dan air yang tercemar atau sentuhan langsung dengan individu yang dijangkiti, menimbulkan ancaman kesihatan yang ketara dalam keadaan yang mencabar ini.

Sejak serangan 7 Okt lepas, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan bahawa 85 peratus penduduk Gaza kini kehilangan tempat tinggal, berdepan kekurangan sumber penting seperti makanan, air bersih dan ubat-ubatan.

Menurut pihak berkuasa kesihatan tempatan serangan Israel telah menyebabkan sekurang-kurangnya 24,448 penduduk Palestin terbunuh, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak manakala 61,504 individu lagi cedera. - ©BERNAMA

Menteri Kabinet Singapura S Iswaran letak jawatan, keluar PAP

SINGAPURA, 18 Jan. - Perdana Menteri Singapura Lee Hsien Loong pada Khamis berkata S Iswaran telah meletak jawatan sebagai Menteri Kabinet dan juga menamatkan keanggotaanya dalam People's Action Party (PAP). Lee menyatakan bahawa Pendakwa Raya pada Khamis telah memfailkan pertuduhan jenayah terhadap Iswaran di Mahkamah.

Menurut beliau, pada 16 Jan 2024, selepas Biro Siasatan Amalan Rasuah (CPIB) memberi notis rasmi kepada Iswaran mengenai pertuduhan itu, Iswaran mengutus surat kepada menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan sebagai Menteri Kabinet dan menamatkan keanggotaannya dalam PAP.

"Beliau juga memaklumkan kepada saya bahawa beliau meletakkan jawatan sebagai Ahli

Parlimen (MP) bagi Kawasan Perwakilan Kumpulan West Coast," menurut Lee dalam satu kenyataan.

Lee berkata pada 17 Jan, Iswaran seterusnya memaklumkan kepada bahawa beliau akan memulangkan semua wang yang diterima melalui gaji sebagai Menteri dan eluan sebagai Ahli Parlimen sejak siasatan CPIB bermula pada Julai 2023. "Memandangkan Iswaran kini telah meletak jawatan, beliau tidak lagi menerima gaji atau eluan daripada Kerajaan," kata Lee.

Lee berkata beliau menjawab surat Iswaran pada 17 Jan untuk menerima peletakan jawatannya dan menerima keputusannya untuk memulangkan wang itu. Perdana menteri menegaskan bahawa Kerajaan Singapura telah menangani kes itu dengan tegas di bawah Kanun Keseksyen. - ©BERNAMA

terus berbuat demikian.

"Saya bertekad untuk mengekalkan integriti Parti dan Kerajaan serta reputasi kami akan kejujuran dan tidak korup. Rakyat Singapura mengharapkan tidak kurang daripada itu," kata Lee.

Media tempatan melaporkan bahawa Iswaran didakwa di mahkamah pada Khamis atas pelbagai kesalahan termasuk rasuah dan mendapatkan suapan sebagai penjawat awam, beberapa bulan selepas siasatan ke atasnya dide dahakan kepada umum.

Beliau mengaku tidak bersalah terhadap 27 pertuduhan secara keseluruhan - dua rasuah di bawah Akta Pencegahan Rasuah, satu menghalang proses keadilan dan 24 pertuduhan mendapatkan suapan sebagai penjawat awam di bawah Kanun Keseksyen. - ©BERNAMA

Pakistan berhak bertindak balas terhadap tindakan provokatif Iran

NEW DELHI, 18 Jan. - Menteri Luar Pakistan memberitahu rakan sejawatannya dari Iran pada Rabu bahawa Islamabad "berhak untuk bertindak balas" terhadap serangan tentera Iran ke atas wilayahnya yang didakwa dijadikan pangkalan sebuah kumpulan bersenjata di Balochistan.

Menteri Luar Jilal Abbas Jilani menerima panggilan telefon daripada Menteri Luar Iran Hossein Amirabdollahian dengan kedua-dua pihak membincangkan insiden itu. Jilani memberitahu Amirabdollahian bahawa keganasan merupakan ancaman kepada rantau itu dan memerlukan usaha bersepada dan diselaraskan untuk menanganinya. Menurut beliau tindakan sepihak oleh Iran boleh menjasaskan keamanan dan kestabilan serantau dengan serius.

Pakistan mengutuk serangan peluru berpandu dan dron pada Selasa itu yang menurut Iran mengenai dua pangkalan "Jaish Al Adl" dengan menyifatkannya sebagai pencabulan kedaulatan yang serius dan pelanggaran undang-undang antarabangsa dan semangat hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Dalam satu kenyataan, Kementerian Luar Pakistan berkata insiden itu telah menjasaskan hubungan dua hala antara Pakistan dan Iran dengan Islamabad berhak untuk bertindak balas terhadap tindakan provokatif berkenaan.

"Tiada negara di rantau ini harus melalui laluan berbahaya ini," menurut kenyataan Pakistan. Sementara itu Kementerian Luar Iran berkata Amirabdollahian memberitahu Jilani bahawa Iran menghormati kedaulatan dan integriti wilayah Pakistan. Amirabdollahian berkata operasi ketenteraan dilancarkan terhadap kumpulan bersenjata Iran dan tiada warga Pakistan diserang.

Susulan kejadian itu Pakistan telah memanggil pulang dutanya dari Iran sebagai protes dan memberitahu duta Iran ke Pakistan yang pulang bercuti di negara asalnya supaya tidak kembali ke Islamabad "buat masa ini". Menurut Pakistan serangan di daerah Panjgur di wilayah Balochistan membunuh dua kanak-kanak dan mencederakan tiga kanak-kanak perempuan. - ©BERNAMA

Sweden catat cuaca paling sejuk dalam tempoh 58 tahun

STOCKHOLM, 17 Jan. - Sweden mengalami cuaca paling sejuk dalam tempoh 58 tahun selepas sebuah kampung di utara negara itu mencatatkan suhu paling rendah.

Cuaca sejuk yang memecahkan rekod dilihat pada 5 Januari dengan -44.6C (-48.2F) di Vittangi dalam perbandaran Kiruna, menurut Institut Meteorologi dan Hidrologi Swedia (SMHI), lapor Agensi Anadol.

Pengurusan Operasi SMHI Sverker Hellstrom berkata pihaknya menangguhkan pengumuman kepada rakyat untuk memastikan rekod yang dicatatkan itu benar-benar tepat.

Sweden merekodkan suhu terendah pada tahun 1966 dengan -52.6C (-62.6F) di rantau Norrbotten. - ©BERNAMA

Gempa bumi Jepun : Latihan pemindahan membuahkan hasil - Penduduk Daerah Suzu

SUZU (Jepun), 17 Jan. - Penduduk di sebuah daerah di Semenanjung Noto Jepun berjaya berpindah dengan selamat ketika tsunami melanda daerah itu pada 1 Jan lepas sekali gus membuktikan latihan pemindahan yang dijalankan sejak bertahun-tahun membawa hasil.

"Ia bukan satu keajaiban. Latihan itu telah berjaya membawa hasil," kata seorang penduduk daerah Jikeshimode Misaki di Suzu, dekat dengan wilayah Ishikawa.

Daerah itu mempunyai seramai kira-kira 90 penduduk yang kebanyakannya terdiri warga emas, menurut Jiji Press.

Walaupun banyak rumah runtuh namun semua penduduk berjaya berpindah ke kawasan lebih selamat dalam tempoh kira-kira lima minit.

Ombak tsunami mula melanda daerah itu sejurus selepas gegaran berukuran 7.6 pada skala Richter melanda sekitar pukul 4.10 petang.

Penduduk di kawasan berkenaan menjalani latihan sebanyak sekali atau dua kali setahun selepas gempa bumi dan tsunami melanda timur laut Jepun pada Mac 2011.

Dalam setiap latihan masa yang diambil untuk berpindah ke kawasan selamat direkodkan.

"Ketika gempa berlaku, meskipun saya panik dan tidak dapat berfikir dengan tenang tetapi tahu ke mana saya perlu pergi," kata Toshitaka Okuhama, 68.

Seorang wanita berusia 53 tahun berkata ombak tsunami datang dengan pantas dan tidak tahu apa nasib kami jika tidak bertindak dengan cepat.

"Semua orang mungkin mati jika latihan tidak dijalankan secara berkala," katanya. - ©BERNAMA

Qatar umum perjanjian bantuan kemanusiaan antara Hamas dan Israel

ISTANBUL, 17 Jan. - Qatar pada Selasa mengumumkan negaranya berjaya menjadi pengantara perjanjian antara Israel dan Hamas yang akan membolehkan bantuan kemanusiaan, termasuk ubat-ubatan diantaranya kepada orang awam di Gaza, lapor Agensi Anadol.

Perjanjian itu adalah usaha bersama antara Qatar dan

Perancis, kata jurucakap Kementerian Luar Qatar Majid bin Mohammed Al Ansari kepada Agensi Berita Qatar (QNA).

Al Ansari berkata bantuan kemanusiaan itu dijadualkan diantaranya ke bandar El Arish, Mesir pada Rabu dengan menggunakan dua pesawat Angkatan Tentera Qatar sebelum

dijangka tiba di Semenanjung Gaza.

Menurut pihak berkuasa kesihatan Palestin, sekurang-kurangnya 24,285 rakyat Palestin terkorban, kebanyakannya wanita dan kanak-kanak manakala 61,154 lagi cedera sejak serangan Israel ke atas kawasan yang terkepung itu pada 7 Okt tahun lalu. - ©BERNAMA

PENCAKAR LANGIT MALAYSIA LAMBANG KEMAJUAN, KEKUATAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 19 Jan. - "Kurang membangun, ketinggalan dan dianggap sebagai negara dunia ketiga", kata-kata itu merupakan persepsi awal yang mungkin berlebar dalam minda pelancong terutama dari benua berlainan yang belum pernah menjajakkan kaki ke Kuala Lumpur.

"Namun, persepsi mengenai pembangunan Malaysia itu ternyata kurang tepat apabila pencipta kandungan dari Amerika Syarikat yang hanya mahu dikenali sebagai Lilith yang berkunjung ke ibu negara ini mengakui terkejut melihat banyak bangunan pencakar langit berdiri megah di Kuala Lumpur.

"Apabila saya melihat Menara Berkembar Petronas buat kali pertama, ia sangat besar, saya tidak pasti sama ada saya pernah melihat sesuatu yang begitu tinggi sebelum ini. Saya juga sukaan pencakar langit di Kuala Lumpur, ia amat berbeza daripada negara lain," kongsi gadis 26 tahun yang berasal dari Arizona itu.

Lilith menerusi akaun TikTok

dan Instagram @Lilithinkl, gemar berkongsi mengenai tarikan di Kuala Lumpur termasuk keunikan menara pencakar langit yang kini, tiga antaranya iaitu Merdeka 118, The Exchange 106 dan Menara Berkembar Petronas termasuk dalam senarai 100 pencakar langit tertinggi di dunia.

Video rakamannya menunjukkan suasana di sekitar Bukit Bintang juga mendapat perhatian warga siber dengan jumlah hampir 150,000 tanda suka, rata-rata komen menyokong pendapatnya bahawa bangunan di Malaysia tidak kalah berbanding negara maju.

Dianggarkan terdapat 279 bangunan pencakar langit di Malaysia, dengan 210 daripadanya berketinggian lebih 150 meter (m), 63 melebihi 200 m dan enam bangunan melebihi 300 m. Sejumlah 241 bangunan itu terletak di Kuala Lumpur, manakala yang lain di Selangor dan Putrajaya.

Data ini didekahkan aktivis Perancangan Bandar Mohamad Afiq Daniel melalui akaun media

sosial X @slainthayer awal bulan ini, yang turut berkongsi bahawa angka berkenaan melebihi jumlah bangunan pencakar langit yang terdapat di seluruh benua Eropah dan Rusia.

Ketika dihubungi Bernama, Mohamad Afiq berkata informasi itu diperoleh daripada laman web rasmi organisasi bukan keuntungan antarabangsa Council on Tall Buildings and Urban Habitat yang menyenaraikan maklumat tentang bangunan pencakar langit di seluruh dunia. Daripada maklumat itu, beliau kemudian menganalisis mengikut bandar dan negara serta membuat perbandingan.

"Saya kagum kerana tidak menyangka Kuala Lumpur ada begitu banyak pencakar langit, ia menunjukkan kekuatan ekonomi di ibu negara. Ia juga menunjukkan betapa majunya Kuala Lumpur dan menjadi antara bukti pembangunan negara.

"Pencakar langit ada kelebihan dari segi ruang serta menyumbang kepada ekonomi dan pendapatan

negara iaitu cukai hartanah diperoleh juga lebih tinggi, apabila KL ada banyak pencakar langit ia boleh menyumbang kepada bajet pembangunan yang lebih besar," katanya yang juga penganalisis hartanah.

Pensyarah Kanan Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Fakulti Alam Bina dan Urus, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Dr S. Gobi Krishna berkata bangunan pencakar langit merupakan identiti yang menarik minat pelancong dari dalam dan luar negara dengan keunikan seni binanya, sekali gus menyumbang kepada sektor ekonomi.

"Dalam konteks perancangan bandar, bangunan pencakar langit akan mewujudkan suatu skyline atau pemandangan bangunan yang menarik dari segi ketinggian dan reka bentuk bangunan.

"Sekiranya dilihat dari segi

pembangunan di negara Barat, kebanyakannya bangunan pencakar langit ini berkembang pesat di benua Asia kerana kekangan ruang pembangunan di kawasan bandar itu dan juga pemeliharaan bangunan sejarah yang bernilai tinggi," katanya.

Bangunan pencakar langit menurut beliau juga, menunjukkan kekuatan infrastruktur di dalam negara dari aspek teknologi dan kejuruteraan, sekali gus mampu menjadi daya penarik kepada pelabur untuk melabur di negara ini.

Gobi Krishna bagaimanapun berkata, terdapat juga potensi berlakunya overhang ruang bangunan pencakar langit sekitarnya ia digunakan secara optimum, sekali gus mengakibatkan kerugian. - ©BERNAMA

Pengiktirafan global terhadap Palestin yang merdeka penting demi kestabilan serantau

RAMALLAH (Palestin), 19 Jan. - Penubuhan sebuah negara Palestin yang merdeka dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negara berdasarkan sempadan 1967 adalah penting bagi memastikan keselamatan dan kestabilan di rantau itu, lapor Agensi Berita Palestin (WAFA).

Jurucakap kepada Presiden Mahmoud Abbas, Nabil Abu Rudeineh pada Khamis malam menegaskan perkara itu sebagai

respons terhadap kenyataan Perdana Menteri Israel Benjamin Netanyahu bahawa "tidak akan ada negara Palestin".

Berdasarkan kepada situasi semasa, Abu Rudeineh menyuarakan keimbangan dengan menyatakan bahawa "seluruh wilayah berada di ambang kehancuran kerana dasar agresif yang dilaksanakan rejim Israel terhadap rakyat Palestin menafikan hak-hak

mereka."

Beliau menegaskan bahawa "kenyataan kecaman dan penolakan" tidak lagi memadai. "Sekiranya terdapat kemahan antarabangsa untuk memulihkan kestabilan di rantau ini dan dunia, negara Palestin yang merdeka perlu diiktiraf berdasarkan sempadan 4 Jun 1967 dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu negaranya," kata beliau. - ©BERNAMA

Rundingan damai selatan Thailand disambung semula dengan harapan kemajuan ketara

BANGKOK, 19 Jan. - Selepas hampir setahun tergendala, Proses Dialog Damai di Selatan Thailand akan disambung semula bulan depan, menyemarakkan harapan untuk menamatkan konflik di selatan Thailand yang berlanjut sejak berpuluh tahun lamanya.

Rundingan damai itu terhenti selepas Barisan Revolusi Nasional (BRN), iaitu kumpulan bersenjata paling berpengaruh di selatan Thailand mengumumkan penangguhan rundingan sementara menunggu Pilihan Raya Umum 14 Mei dan pembentukan kerajaan baru tahun lepas.

Menerusi temu bual dengan PBS Thai di Bangkok baru-baru ini, Ketua Fasilitator Kerajaan Malaysia bagi Proses Dialog Damai di wilayah itu Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin menyuarakan harapan agar rundingan damai pusingan seterusnya yang dijadual pada Februari di Kuala Lumpur akan menentukan agenda dan objektif proses damai terbabit.

Dalam pertemuan akan datang, Zulkifli berkata beliau akan menjelaskan matlamat akhir

rundingan damai kepada BRN "untuk dihadam, dibincangkan dan membuat keputusan".

"Saya optimis sesuatu yang kukuh akan berlaku tahun ini. Bagaimanapun, mengenai sama ada kita boleh memeterai perjanjian damai bergantung kepada kedua-dua pihak.

"Masih terlalu awal untuk saya katakan dengan yakin bahawa kita akan mencapai sesuatu menjelang akhir tahun sehingga saya bertemu dan berbincang dengan BRN," katanya.

Zulkifli menambah bahawa beliau terus berkomunikasi dengan wakil-wakil BRN meskipun ketika rundingan damai tertangguh sebelum ini.

"Wakil BRN menzhahirkan hasrat mereka untuk menyambung semula rundingan damai," katanya.

Zulkifli dilantik sebagai Ketua Fasilitator kerajaan Malaysia bagi proses Rundingan Damai di selatan Thailand berkuat kuasa 1 Jan 2023. Chatchai Bangchud telah dilantik sebagai ketua perunding mewakili kerajaan Thailand yang baru pada November tahun lepas.

Minggu lepas, Zulkifli mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri Somsak Thepsuthin di Bangkok bagi membincangkan rancangan kerajaan baharu Thailand bagi rundingan damai itu. Beliau turut mengadakan pertemuan dengan Chatchai.

Beliau berkata sinaran harapan nampak lebih cerah selepas lawatan kerjanya ke wilayah selatan pada Februari tahun lepas, serta lawatan baru-baru ini ke Bangkok. Mengenai persoalan sama ada Malaysia boleh menjadi perantara yang jujur, Zulkifli berkata Malaysia terus mendapat kepercayaan daripada kerajaan Thailand dan BRN.

"Saya dapat rasakan, melihat dan mendengar bahawa tahap keyakinan terhadap Malaysia sebagai fasilitator untuk rundingan damai semakin meningkat," katanya.

Sebagai ketua fasilitator kerajaan Malaysia, Zulkifli berkata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberinya tiga panduan untuk memudahkan rundingan damai itu.

"Beliau (Anwar) berkongsi tiga perkara penting dengan saya dan saya sentiasa berpegang teguh kepadanya. Pertama, Malaysia tidak mempunyai agenda tersembunyi. Kedua, tingkatkan defisit kepercayaan. Ketiga, lakukan secara telus. Saya memahami panduan ini sepanjang masa," katanya.

Proses rundingan damai antara kerajaan Thailand dan BRN bertujuan mencari penyelesaian untuk menamatkan konflik yang memuncak pada Januari 1994 di wilayah selatan Narathiwat, Yala, Pattani, dan sebahagian Songkhla.

Pada 22 Feb tahun lalu, Panel Dialog Damai Kerajaan Diraja Thailand (PEDP) dan BRN telah

sepakat membentuk Pelan Komprehensif Kerjasama ke Arah Pendamaian (JCPP) sebagai pelan hala tuju untuk 2023-2024 demi mencari penyelesaian ke arah menamatkan konflik bersenjata di selatan Thailand.

JCPP yang dipersebutui dalam Mesyuarat Rasmi Proses Dialog Keamanan Keenam di Kuala Lumpur, membawa sinar harapan bagi menyelesaikan konflik serantau.

Statistik oleh kumpulan pemantau bebas Deep South Watch menunjukkan kitaran keganasan yang berterusan di selatan Thailand sejak 2004, telah meragut lebih 7,000 nyawa setakat ini. - ©BERNAMA

Malaysia, Maldives bincang kukuh kerjasama

NEW DELHI, 19 Jan. - Menteri Luar Maldives Moosa Zameer dan Timbalan Menteri Luar Malaysia Datuk Mohamad Alamin mengadakan perbincangan untuk memperkuuh kerjasama antara kedua-dua negara di luar mesyuarat peringkat menteri Pergerakan Negara Berkecualian (NAM) di Kampala, Uganda.

Menurut Kementerian Luar Maldives, perbincangan itu tertumpu kepada usaha memupuk hubungan yang lebih erat. "Kami meneliti hubungan teguh antara Maldives dan Malaysia dan membincangkan kaedah untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang pembangunan sosial," kata Moosa dalam hantaran di media sosial.

Sementara itu, Menteri Luar Maldives pada Disember berkata Malaysia merupakan destinasi pilihan bagi sejumlah besar rakyatnya untuk pendidikan dan pelancongan serta terdapat ruang bagi mengukuhkan hubungan dua hala. - ©BERNAMA

KPDN patahkan cubaan seludup 3,150 liter minyak diesel ke Thailand

TUMPAT, 19 Jan. - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) Kelantan mematahkan cubaan menyeludup 3,150 liter minyak diesel ke Thailand, yang disimpan di sebuah jeti membaiki bot di Kampung Tanjung Che Mas di sini.

Pengarah KPDN Kelantan Azman Ismail berkata kegiatan itu dikesan anggotanya bersama Pasukan Polis Marin Wilayah Tiga Pengkalan Kubor ketika menjalankan Op Bersepadu Ketirisan Barang Kawalan pada 7 malam Rabu lepas.

"Anggota operasi mengesan 3,150 liter minyak diesel bernilai RM6,772.50 yang diletak di dalam beberapa tong dram plastik di lokasi jeti itu.

"Hasil siasatan mendapati lokasi terbabit digunakan sebagai tempat penyimpanan transit minyak diesel itu sebelum diseludup ke negara jiran," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Azman berkata tiada individu dikesan menuntut barang berkenaan sepanjang serbuan dan pemeriksaan dijalankan.

"Kesemua minyak diesel itu disita untuk siasatan lanjut di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961," katanya. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



PLATFORM TINGKAT MOTIVASI, BENTUK KEYAKINAN DIRI

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Ihsan Persatuan Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam



PERSATUAN Bola Jaring Kebangsaan Brunei Darussalam (BNA) menyertai Kejohanan Bola Jaring Empat Negara - Hong Kong (Hong Kong Four Nations Netball Tournament) yang diadakan di Kowloon Park Sports Centre, Hong Kong, baru-baru ini.

Piala Asia 2023 : Harimau Malaya berdepan laluan berliku, Bahrain ada sedikit kelebihan

KUALA LUMPUR, 19 Jan. - Harimau Malaya meniti laluan berliku untuk merawat luka kekalahan kepada Jordan 0-4 pada aksi pembukaan Kumpulan E saingan Piala Asia 2023 Isnin lepas, apabila terpaksa berdepan dengan Bahrain dalam perlawanan kedua di Stadium Jassim Bin Hammad, esok.

Pemerhati bola sepak tempatan Datuk Dr Pekan Ramli berkata berdasarkan pengamatannya, Bahrain dilihat mempunyai sedikit kelebihan berbanding Malaysia, lebih-lebih lagi selepas lawan mempamerkan persembahan memberangsangkan biarpun tumpas 1-3 kepada Korea Selatan, dalam satu lagi perlawanan Kumpulan E, Isnin lepas.

"Walaupun tewas, namun pemain Bahrain sememangnya dapat mengimbangi cara Korea Selatan bermain tempoh hari, jadi ini yang merisaukan saya. Sekiranya kita bermain seperti lawan Jordan, maka saya nampak sukar untuk kita atasi Bahrain."

"Pasukan negara kena fikirkan sesuatu dengan memantapkan barisan pemain dan turunkan keselélasan terbaik kita berdepan Bahrain. Biarpun rekod pertemuan tidak memihak kepada kita dan Bahrain ada kelebihan, namun dalam bola sepak apa sahaja boleh berlaku, harap ada keajaiban dilakukan pemain kita," katanya kepada Bernama.

Mengikut rekod perlawanan, Malaysia tewas kepada Bahrain dalam tiga

perlawanan terakhir sejak 2013 dengan pertemuan terakhir menyaksikan Bahrain menang 2-1 pada pusingan Kelayakan Piala Asia 2023 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 2022. Bahrain di bawah bimbingan Juan Antonio Pizzi merupakan pasukan ranking ke-86 dunia, sementara Malaysia di posisi 130.

Dalam pada itu, Pekan berharap pengendali Harimau Malaya Kim Pan Gon, mampu menerapkan semula formasi 4-3-3 sewaktu menentang Bahrain, yang diberi julukan skuad Dilimur's Warriors, berbanding corak permainan 3-4-3 digunakan ketika bertemu Jordan.

Katanya, rata-rata pemain sudah 'masak' dengan formasi 4-3-3 yang sering digunakan Pan Gon sebelum ini selain meletakkan dua tonggak, Arif Aiman Mohd Hanapi dan Mohamad Faisal Abdul Halim di bahagian sayap sambil dibantu kelbat sama ada Darren Lok, Romel Morales atau Paulo Josue sebagai penyerang utama.

"Bagaimanapun, kesemuanya terserah kepada jurulatih kerana perubahan formasi ini bergantung kepada mereka dan mengambil kira strategi bakal digunakan pihak lawan," katanya.

Selepas aksi bertemu Bahrain, skuad kebangsaan akan menutup saingan kumpulan berdepan juara dua kali Korea Selatan pada 25 Jan. Ikuti berita dan info terkini mengenai Piala Asia 2023 di asiancup.bernama.com. - ©BERNAMA

"Secara keseluruhan, pasukan menduduki tangga keempat dan salah seorang pemain, Dayang Nurhafizah binti Haji Abdul Sidek dinobatkan sebagai Pemain Terbaik pada kejohanan berkenaan," katanya lagi.

Selain itu tambahnya, pasukan kebangsaan kita juga berjaya menewaskan pasukan Filipina dan dari segi jaringan pula menunjukkan peningkatan dengan merapatkan kurang markah pada setiap perlawanan.

Daripada aspek penambahbaikan pasukan terangnya lagi, juga perlu adanya sokongan daripada pihak tertentu sama ada daripada sektor kerajaan dan juga swasta serta orang ramai terutama sekali ibu bapa dan penjaga.

"Selain itu, memperbanyakkan anjuran kejohanan bola jaring bagi memperluaskan lagi pengalaman dan penglibatan pemain-pemain bola jaring terutama sekali pelapis-pelapis atau generasi baharu yang akan datang.

"Memperbanyakkan perlawanan pendedahan dan mengikuti perlawanan di luar negeri dan serantau untuk memperluaskan lagi pengalaman dan meningkatkan mutu taraf pemain-pemain kebangsaan bola jaring Negara Brunei Darussalam," ujarnya lagi.

Sementara itu, Dayang Nurhafizah selaku kapten pasukan seterusnya menjelaskan bahawa pasukan bola jaring kebangsaan menunjukkan peningkatan prestasi semakin bertambah baik secara keseluruhannya.

Tambahnya, memandangkan peluang untuk bermain dalam permainan yang lebih sukar dan berkualiti lebih-lebih lagi dengan pesaing yang hebat, ia berfungsi sebagai faktor penting untuk membangun dan penambahbaikan permainan bagi para pemain bola jaring kita.

"Dengan itu, permainan antarabangsa ini, sama ada persahabatan atau pertandingan, boleh menjadi pembuka mata terutamanya kepada atlet muda untuk menimba ilmu dan pengalaman serta merasakan 'permainan bola jaring sebenar'.

"Dan saya percaya bahawa itu akan membantu mentaliti mereka dalam banyak perkara," katanya lagi.

Kedudukan skuad Bola Jaring Brunei Darussalam daripada bola jaring dunia, iaitu pada tangga ke-35 daripada 44 negara.

Pasukan Bola Jaring Kebangsaan akan menyertai Asian Netball Championship di Arab Saudi yang akan diadakan pada September 2024 dan 6th Indoors Game AIMAG Thailand pada November 2024 nanti.

Tahukah Awda

BABURIH ialah sejenis cecair yang diperbuat daripada bedak buatan Brunei yang mengandungi kayu gaharu, cendana, minyak kemenyan dan ladan. Ia digunakan oleh orang-orang Brunei dalam masa membayar (menunaikan) nazar dan majlis lain yang sedemikian. Selain Baburih, bunga rampai, beras kunyit dan air wangi juga disimpan di satu tempat yang dikhaskan umpamanya sebuah gangsa perak beralas, bertarak serta bertatampan yang diletakkan di siring Singgahsana sebelah kanan.

SUMBER : Adat Istiadat Diraja Brunei.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

BELANJAKAN REZEKI YANG KITA PEROLEH DENGAN BIJAK MENGIKUT LUNAS ISLAM